# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 5 | RABU 3HB FEBRUARI, 1982. | 1402 رابو 8 ربيع الاخير | PERCHUMA




Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abd Aziz ketika beruchap merasmikan Kongres Agong MBB.

## MBB di-seru:

## TUMPUKAN PERHATIAN PADA MENGATASI MASAALAH2 BELIA KITA — Pmk. M.B.

**Oleh: Ja'afar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz menyeru agar MBB dan sekutu2-nya akan turut memberi perhatian kapada sa-tengah2 masaalah yang berhubong dengan belia2 di-negeri ini terutama sekali belia2 lepasan sekolah dan lepasan pusat2 teknikal.

Menurut-nya, ramai belia2 dan beliawanis kita yang mengikuti latehan2 teknikal dan pertukangan rata2 beranggapan dan berharap mereka itu akan di-beri kerja oleh kerajaan sedangkan tujuan kerajaan memberikan mereka latehan itu bukan-lah sematа-mata untok bekerja dengan sektor kerajaan malah kata-nya ia-lah untok memungkinkan mereka itu menjadi pengusaha2 tempatan di-berbagai-bagai bidang perkhidmatan.

### PIMPINAN

"Dengan ada-nya kemudahan yang di-sediakan oleh kerajaan DYMM melalui Sekim Pinjaman Kewangan bagi peniaga2 maka mungkin dapat di-fikirkan oleh MBB dan sekutu2-nya supaya belia2 lepasan pusat2 teknikal itu dapat di-pimpin untok di-bentok diri dan imej mereka sa-bagai pengusaha2 tempatan yang berjaya," ujar Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar membuat seruan demikian ketika beruchap merasmikan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia-Belia Negeri Brunei (MBB) yang telah di-langsongkan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Ahad lepas.

Kata-lah, tegas Yang Amat Berhormat, mereka itu boleh menjadi pengusaha2 bengkel membaiki kereta2, pengusaha2 restoran atau menjadi pemborong2 kechilan sudah barang tentu berkehendakkan pimpinan dan inisiatif luar dari mereka yang mana jelas-nya, ada-lah munasabah jika inisiatif dan pimpinan yang mereka perlukan itu dapat di-hulorkan bersama oleh MBB dan sekutu2-nya.

"Saya menunjok kapada chontoh ini dengan maksud supaya akan ada perhatian yang khusus di-berikan oleh pergerakan belia di-negeri ini kapada menolong mengatasi sa-

Lihat muka 20

## Menyahut seruan Kerajaan dengan bertanggong-jawab dan beriman

**Oleh: Jahri H.A.L.**

PEKAN MUARA. — Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awg. Abdul Rahman sekali lagi menarek perhatian kapada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei baru2 ini.

Dalam titah Baginda, tegas Yang Berhormat, Kebawah DYMM telah menekankan betapa mustahak-nya pegawai2 kerajaan Baginda memainkan peranan masing2 serta raayat dan pendudok negeri ini pula mengamalkan sikap yang mencherminkan sifat-sifat keBruneian yang kita warisi turun temurun.

### MENYAHUT SERUAN

Bagi menyahut seruan itu, kerajaan Baginda kata-nya, telah membuat beberapa ketentuan dan peratoran2 untok melaksanakan hasrat Baginda yang mahukan pentadbiran kerajaan-nya berseh, jujor lagi amanah.

Beruchap kapada lebeh empat ribu orang umat Islam di-perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., di-padang Sekolah Melayu SUAS di-sini pada hari Jumaat lepas, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman menegaskan bahawa titah itu tidak hanya di-tujukan dan harus di-laksanakan oleh ketua2 dan timbalan2 ketua jabatan dan pegawai2 kanan kerajaan semata2. "Malah titah perentah ini dan seruan Baginda ada-lah untok semua kakitangan dan pegawai2 kerajaan dan ada-lah merupakan tanggong-jawab bersama yang di-amanahkan oleh Baginda," jelas Yang Berhormat.

### SIKAP SABAR

"Pada ketika yang sama Baginda juga mengingatkan raayat dan pendudok negeri ini supaya terus mengamalkan sikap sabar serta bertolak ansor dalam berhubong dengan pegawai2 kerajaan dalam urusan sa-hari2 yang mana Baginda penoh berharap semoga sifat keBruneian yang bersopan santun itu akan sentiasa terpelihara," jelas-nya lagi.

Jadi, dengan ada-nya kesedaran dan tanggong-jawab terhadap diri masing2 itu, Yang Berhormat penoh perchaya kita akan menekmati hidup aman damai, penoh ibadat dan di-redhai oleh Allah.

"Mari-lah kita dengan penoh bangga dan keyakinan memperkukohkan azam menyembahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah

Lihat muka 20



Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman di-perkenalkan kapada ketua pasokan sa-belum memulakan perarakan mengelilingi Pekan Muara.

## Perlawanan Polo Antarabangsa 'Low Goal' bermula esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah akan mengetuai Pasokan Istana dalam Kejohanan Polo Antarabangsa Brunei kali kelima dalam bahagian Low Goal yang akan bermula esok 4hb Februari bertempat di-Padang Polo Jerudong.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sabibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga akan menyertai Pasokan Baginda Yang Dipertuan itu nanti.

Kejohanan dalam bahagian Low Goal ini di-pertandingkan ia-lah bagi merebut 'Piala Presiden' yang di-korniakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan bertarong dalam kejohanan itu bagi mempertahankan kejuaraan-nya yang telah mereka menangi pada tahun lepas. Pasokan ini akan di-ketuai oleh Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Dua buah lagi pasokan dalam negeri yang menyertai kejohanan tersebut ia-lah Pasokan Pulis Diraja Brunei yang akan di-ketuai oleh YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong dan Pasokan Jerudong Park yang akan di-ketuai oleh



'Piala Presiden' yang akan di-pertandingkan dalam Kejohanan Polo Antarabangsa Brunei kali kelima dalam bahagian Low Goal.

YDM Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Setia Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md Said.

Sementara pasokan2 luar negeri yang turut serta bertanding terdiri dari Pasokan2 Kelab Polo Selangor, Kelab Polo Diraja Trengganu, Kelab Polo Diraja Johor dan Kelab Polo Singapura.

Kejohanan Low Goal ini akan di-langsongkan sa-lama empat hari berturut-turut dan akan berakhir pada hari Ahad 7hb. Februari depan.

### Manis-nya Iman

**"TIADA-LAH ada hadiah oleh sa-orang Islam bagi saudara-nya terlebeh afdhal daripada perchakapan yang berhikmat." — HADITH Nabi riwayat Al-Baihaqi.**

# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

3HB FEBRUARI, 1982.


*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MASA DEPAN :

## Chorak Apa Yang Kita Mahu?

**UMUM-NYA orang berpendapat bahawa semakin dekat menjelang tempoh kemerdekaan maka chorak masa depan kita dan negeri kita dengan segala yang berkaitan dengan-nya sa-patut-nya sudah jelas. Lalu ada di-antara-nya yang sampai kapada had menjangkakan apa jenis negara dan masharakat yang ia nampak untok masa hadapan itu.**

**Hal begini tidak ada yang luar biasa-nya. Chuma kita hendak-lah mempastikan sama ada jangkaan2 itu berdasarkan perbandingan dan pemikiran mengenai kedudokan kita dan sa-telah mengamat-amati simpang-siur pengalaman susah senang kita. Jika ia hasil perbandingan, pemikiran dan pengamat-amatan terhadap kedudokan dan pengalaman kita dalam sepanjang sejarah sebagai bangsa Brunei — dengan chiri2 kemasharakatan dan kenegaraan-nya yang tersendiri — maka kita mungkin tidak kehilangan puncha pada mengesan kehendak sa-benar serta ukoran yang sesuai bagi masa depan itu. Sa-balek-nya, jika semata2 kerana ingin menchuba sa-suatu sistem dan aliran atas asas sistem dan aliran itu terpakai atau popular di-tempat2 lain maka patut-lah kita berfikir dua kali dan malah berkali2.**

**Yang Berhormat Pmk. Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman dalam uchapan-nya kapada pemimpin2 dan ahli2 Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan minggu lepas telah mengingatkan bahawa "jika sa-kira-nya kita alpa dan sentiasa berhajat untok menchuba sistem dan aliran yang bukan darah daging kita yang berunsur keBruneian dan pengajaran ugama Islam, bukan orang lain bahkan diri kita sendiri yang akan menghindarkan negara kita dari menchapai kemajuan dan kebahagiaan yang di-harapkan."**

**Uchapan Yang Berhormat itu tentu jelas sasaran-nya dan merupakan suatu terusterang yang jarang di-dengar pada peringkat sekarang dalam masa orang membuat jangkaan2 mengenai chorak dan bentok atau sistem dan aliran yang akan terpakai untok masa depan kita. Tentu-lah ia mengajak kita meneliti lebeh halus akan sikap dan pemikiran kita dalam menimbang atau menjangkakan sa-suatu chorak atau aliran. Untong-nya dalam meneliti itu kita biasa-nya tidak tinggal meraba2 dalam gelap bahkan kita berpeluang membuat pertimbangan dengan sa-jelas2-nya.**

**Antara bahan penting pertimbangan kita ia-lah saperti yang juga di-tegaskan oleh Yang Berhormat itu bahawa "masharakat kita tidak pernah menyogokkan sa-suatu untok di-telan tanpa usul pereksa kerana ia-nya di-dasarkan kapada rasa persefahaman dan kerjasama." Itu-lah untong-nya kita; dan kerana itu kita tidak menampak ada alasan yang kuat dan muktamad untok orang2 kita menolak hakikat yang sa-jelas itu.**

## Guru2 Ugama di-seru:

# TUNAIKAN KEWAJIPAN DENGAN CHEKAP, JUJOR DAN AMANAH

**BERIKUT ia-lah uchapan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, ketika merasmikan Kursus Pendidekan bagi Guru2 Ugama Daerah Brunei-Muara, di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 25hb Januari, 1982.**

Perjumpaan kita ini ada-lah sa-bagai langkah pada menuju untok menekankan dan memberi kesan kapada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok mengujudkan sistem pentadbiran Kerajaan yang chekap, jujor lagi amanah. Kerajaan yang chekap, jujor lagi amanah hanya akan dapat di-ujudkan dan di-jamin hidup-nya sa-kira-nya sa-genap lapisan pegawai2 dalam Kerajaan dapat melaksanakan tugas dan tanggong-jawab masing2 dengan chekap, jujor dan amanah di-sertai dengan tulus ikhlas semata2 kerana Allah untok kebajikan Negeri Brunei dan pendudok serta isi di-dalam-nya, dan sikap jujor dan amanah itu hendak-lah di-pupok berlandaskan ajaran2 Ugama Islam. Hasrat Baginda yang sa-demikian itu telah di-titahkan oleh Baginda pada 21hb. Disember, 1981 dalam Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-19.

Perjumpaan pada hari ini dengan Guru2 Ugama yang mengajar dalam Daerah Brunei/Muara yang bilangan mereka kurang lebeh sa-ramai tujoh ratus orang pada menjunjong hasrat dan titah Baginda itu, yang mana langkah saperti ini saya fikir ada-lah perlu dan ia menjadi kewajipan saya untok membuat-nya.

Guru2 ada-lah pegawai2 Kerajaan, dengan sendiri-nya Guru2 Ugama tidak-lah terlepas daripada kehendak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, bahkan ada-lah menjadi tanggong-jawab guru2 untok sama2 menjunjong dan menunaikan serta melaksanakan dengan sa-ikhlas2-nya akan hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

### NEKMAT ALLAH DAN HAK-NYA

Jawatan Guru Ugama ada-lah suatu jawatan yang mulia dan ia sa-benar-nya merupakan suatu nekmat daripada nekmat2 Allah yang di-korniakan-Nya kapada manusia. Al-Imam Tajuddin Abdul Wahab As-Subki (yang mati pada Tahun 117 Hijrah) mengenai dengan nekmat Allah itu berkata:—

"Wajib ka-atas kamu bershukor akan nekmat jawatan itu, dan hendak-lah kamu ketahui bahawa kamu itu dan ra'ayat ada-lah sama, tiada-lah kamu berbedza daripada mereka, bahkan nekmat itu ada-lah dengan perbuatan Allah Ta'ala. Jikalau Allah Ta'ala berkehendak, neschaya ia beri jawatan itu kapada mereka, dan ia tegah kamu dari jawatan itu."

Apa-kah kewajipan kita dalam menanai nekmat Allah Ta'ala itu, Imam As-Subki sa-lanjut-nya menerangkan saperti berikut :—

"Wajib beriktikad bahawa nekmat itu datang-nya daripada Allah Ta'ala, dan wajib ia memuji Allah di-atas nekmat itu, dan wajib ia menyempurnakan hak2 nekmat itu. Ahli Shaer berkata :—

"Saya membalas tuan dengan tiga perkara :—

i) Tangan saya
ii) Mulut saya
iii) Hati suchi saya

Ahli Shaer itu sa-lanjut-nya berkata —

"Ini-lah shukor saya kapada tuan melalui tiga saluran, tetapi erti-nya itu-lah sa-benar2 shukor. Orang berkata shukor itu tiga pangkat:—

i) Hati sulit
ii) Pujian mulut
iii) Membalas budi

Sa-benar-nya ibarat "membalas budi" itu tiada tepat, kerana sesiapa pun tiada berdaya hendak membalas budi dan nekmat Allah, dan yang tepat hendak-lah kita gunakan segala anggota itu dengan sa-berapa daya pada menyempurnakan perintah2 Allah."

Daripada pendapat atau nasihat Imam As-Subki itu kita dapat sa-kurang2-nya mengambil tiga kesimpulan dalam menanai akan nekmat Allah itu saperti berikut:—

1) Kita wajib memuji Allah di-atas pengorniaan nekmat itu.
2) Kita wajib menyempurnakan hak2 nekmat itu.
3) Kita wajib menggunakan segala anggota dengan sa-berapa yang terdaya pada menyempurnakan perintah2 Allah.

Yang hadhir di-hadapan saya pada hari ini ia-lah Guru2 Ugama, jawatan Guru Ugama itu ada-lah suatu nekmat Allah kapada Awang2 dan Dayang2, dan nekmat itu ia-itu jawatan Guru Ugama, mempunyai hak2 yang wajib di-tunaikan oleh Guru2 Ugama, dalam erti kata yang lain bahawa Guru2 Ugama wajib menyempurnakan kewajipan dan tanggong-jawab yang di-letakkan ka-atas mereka, dengan sendiri-nya kalau hak2 nekmat itu di-sempurnakan dengan chekap, jujor dan amanah di-sertai dengan tulus ikhlas sa-mata2 kerana Allah, maka Awang2 dan Dayang2 akan di-berkati oleh Allah dan akan menerima pahala daripada Allah.

### CHARA MENYEMPURNAKAN

Bagaimana chara2-nya untok menyempurnakan hak2 nekmat jawatan guru itu, Buku Prinsip2 Pendidekan yang di-susun oleh A.Kadir bin Hj. Ismail menyatakan:—

"Guru hendak-lah berpandu kapada soalan berikut:—

1) Bagaimana saya hendak mengajar?
2) Bagaimana saya dapat membolehkan murid2 itu belajar? atau dengan perkataan lain, bagaimana saya hendak menghimpunkan antara mengajar mereka dengan mereka belajar?
3) Apa-kah yang mesti saya lakukan supaya murid2 itu bekerja dengan gembira dan chergas, di-samping saya pula dapat memelihara kuasa saya di-hadapan mereka?
4) Bagaimana saya hendak menggemarkan mereka bekerja?
Bagaimana hendak memberi pertunjok, mengarah, menyuloh, membenar mereka bekerja dengan bebas, tanpa merasai bahawa mereka ada-lah di-tekan oleh kuasa luar,
5) Bagaimana saya hendak memberi kebebasan kapada mereka dengan tidak saya menchampor tangan dalam pekerjaan mereka, kemudian saya meninggalkan mereka bekerja, di-samping itu saya perchaya bahawa saya telah memain dan menunaikan kewajipan dan kerja saya dengan chukup sempurna-nya."

Dalam menyentoh masa'alah pengajaran ugama di-kalangan kanak2, pengarang tersebut menyatakan saperti berikut:—

"Ugama kanak2 itu ada-lah ugama sa-mula jadi, yang terbatas dengan fikiran kanak2 yang sempit dan lemah dari memikir dan mentakdirkan muskilan yang di-tadbirkan oleh pemuda pemudi. Oleh itu bila kita hendak memberi pengetahuan ugama kapada mereka, maka hendak-lah kita berikan menurut keadaan mereka, ia-itu dengan di-berikan perkara2 praktikal yang boleh di-dapati dengan panchaindera, kemudian beransor meningkat menurut tingkatan hidup dan chara2 pemikiran mereka."

Mengenai dengan pendidekan ugama di-kalangan pemuda pemudi, Pengarang itu sa-lanjut-nya menyatakan saperti berikut:—

1) Hendak-lah di-jadikan pengetahuan ugama sa-bagai suatu makanan rohani yang di-terangkan hikmat2-nya untok membawakan penuntut2 kapada berfikir dan berbahas, serta memuaskan naluri2 kemasharakatan-nya, sa-hingga mereka dapat melakukan sesuatu dengan keperchayaan dan beramal dengan menggunakan fikiran.

2) Hendak-lah di-terangkan perkara2 ugama dan kemasharakatan dengan chara yang menyukakan dan menarik hati. Di-dalam Islam banyak kita dapati bahan2 kerohanian yang sayugia di-ambil faedah oleh penuntut2, di-dalam Islam kita dapati roh keIslaman, budi pekerti Islam, peraturan keluarga yang termasok di-dalam-nya perkahwinan, percheraian, peraturan pusaka, hak2 perempuan di-dalam Islam, perhubongan sa-seorang dengan masharakat, kehidupan Rasulullah, perjalanan Khalifah2 pejuang2, penganjur2 Islam, tenaga usaha alim ulama di-dalam mentafsirkan Kor'an, mensharatkan hadith2 dan lain2-nya. Ini semua-nya ada-lah dari bahan2 kerohanian yang membolehkan penuntut2 itu mempelajari dengan meluas sa-hingga roh keIslaman dan kebesaran-nya itu dapat mempengarohi jiwa raga mereka.

3) Hendak-lah di-adakan perhubongan di-antara pelajaran ugama itu dengan kehidupan sekarang dan jangan-lah di-anggap ugama itu berasingan dari hidup, bahkan ugama ada-lah satu bahagian dari hidup dan berhubong dengan hidup, chuma di-kehendaki kapada memahami dan mengetahui jiwa-nya yang sa-benar.

4) Hendak-lah di-berangsangkan pemuda2 dan pemudi2 dengan sa-genap jalan untok menunaikan fardhu2 ugama, sembahyang, puasa dan mengeluarkan zakat, ia-itu dengan membangkitkan semangat2 keugamaan yang ada dalam jiwa mereka, menggemar dan menyukakan mereka kapada ugama dengan tidak menggunakan paksaan2, memberi mereka faham hikmat fardhu di-dalam ugama serta membimbing mereka untok menunaikan-nya dengan penoh kesukaan hati dan akidah yang kuat.

5) Hendak-lah di-berangsangkan penuntut2 lelaki dan perempuan supaya mereka mencheburkan diri ka-dalam persatuan2 ugama, saperti Persatuan Pemuda Islam, Persatuan Tabligh Islam kerana persatuan2 ugama ada-lah di-bentok memberi pertunjok ugama, dan memajukan pengetahuan ugama.

Pendek kata hendak-lah tiap2 orang yang hendak mendidek pemuda pemudi itu mengetahui bahawa Ugama Islam ada-lah satu ugama rohani dan sentimen, fikiran, lojika, kemasharakatan dan kehidupan. Oleh itu apabila kita berkehendak supaya pelajaran ugama ada mempunyai kesan di-dalam memajukan perangai pemuda2 maka hendak-lah kita mengajarkan Ugama Islam untok menanamkan semangat keugamaan ka-dalam jiwa mereka."

Saya berfikir petekan2 dari Buku Prinsip2 Pendidekan yang saya nyatakan tadi akan dapat membuka fikiran Guru2 Ugama dalam menyempurnakan hak2 dan kewajipan jawatan Guru Ugama itu.

### PENGAROH YANG BERKESAN

Semasa Seminar Pendidekan anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada 31hb. Oktober, 1981 hingga 1hb. Nobember, 1981 Professor Dato Awang Mat Salleh Naib Chancellor University Kebangsaan Malaysia, dalam Kertas Kerja-nya yang bertajok "Pendidekan dan Penguruan" telah menghuraikan dengan panjang lebar, mengenai dengan tajok tersebut, dan saya berfikir ada baik-nya dalam munasabah ini saya mengambil beberapa petekan2 yang mungkin berguna untok di-jadikan panduan oleh Guru2 Ugama dalam menyempurnakan hak2 dan kewajipan2 nekmat jawatan Guru Ugama, saperti berikut:—

"a) Guru dalam masharakat Melayu mendidek sa-laras dengan sistem nilai masharakat Melayu dan Ugama Islam,

b) Untok menjadi guru yang lebeh berkesan, ia mesti-lah belajar kaedah2 pengajaran mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran yang hendak di-ajar-nya,

c) Dia mesti tahu teknik penilaian kerja murid-nya, dan chara menyediakan soalan2. Tahu pula dia mentafsir penchapaian murid-nya dalam ujian2,

LIHAT MUKA 4

# PUSAT PEMULEHAN AKHLAK DI-KAMPONG PULAIE

Oleh:
Muhaimin Hj. Muhamad

**Satu langkah membatasi krisis sosial ini supaya tidak sampai ka-tahap yang membahaya-kan, sunggohpun ia-nya tidak serius di-Brunei**



Ini ia-lah bangunan untok menempatkan pesalah2 lelaki yang mempunyai rendah 'degree' kesalahan-nya ia-itu 'open home'.

Sunggoh pun Brunei sa-buah negeri yang ke-chil dan mempunyai pen-dudok yang tidak ramai tetapi ia-nya juga tidak terkechuali dari mengha-dapi beberapa masaalah sosial.

Sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun, perkara ini perlu di-beri perhatian berat bukan sa-haja oleh pehak Kerajaan bahkan oleh semua lapisan masharakat.

Satu daripada krisis so-sial yang di-sebutkan itu ia-lah berkenaan dengan jenayah yang di-lakukan oleh golongan muda khas-nya belasan tahun.

Walau pun masaalah ini belum lagi begitu serius di-Brunei dewasa ini, tetapi kita perlu mengorak lang-kah supaya krisis sosial ini tidak sampai ka-tahap yang membahayakan. Kita perlu mengambil langkah2 yang positif dari sekarang kerana memandangkan sa-bilangan besar dari pen-dudok2 negeri ini terdiri dari golongan muda.

Oleh itu, Kerajaan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia telah mendirikan sa-buah Pusat Pemulehan Akhlak yang terletak di-Kampong Pulaie di-atas sa-bidang tanah sa-luas sa-puloh ekar. Bangunan Pu-sat ini yang menelan be-lanja sa-banyak $6.9 juta di-jangka siap dalam bulan April ini. Orang2 chachat dan buta akan juga di-tempatkan di-pusat ini.

## KEMUDAHAN2

Pusat Pemulehan Akh-lak ini boleh memberi latehan kapada sa-ratus orang. Di-antara-nya ter-masok tujoh puloh orang laki2 dan tiga puloh orang wanita. Antara beberapa kemudahan yang terdapat di-Pusat ini nanti terma-sok-lah sekolah yang mem-punyai enam buah bilek darjah, asrama untok le-laki dan perempuan, de-wan gerak badan (gym-nasium), bengkel kerja (workshop), klinik dan surau.

Menurut satu sumber dari Jabatan Kebajikan Masharakat, Pusat Pemu-lehan Akhlak ini nanti sa-boleh2-nya akan di-kenda-likan oleh pegawai2 tem-patan dan mereka akan di-hantar berkursus ka-sebe-rang laut.

## BERPERINGKAT2

Pusat Pemulehan Akh-lak ini mengandongi be-berapa peringkat bagi pemulehan akhlak sa-se-orang yang melakukan perkara2 yang berten-tangan dengan undang2 di-negeri ini.

Bagi pesalah2 yang mempunyai rendah 'de-gree' kesalahan-nya, me-reka ini akan di-tempatkan di-'open home' (mereka ini tidak akan di-kenakan kawalan ketat). 'Open home' ini boleh menam-pong empat puloh orang laki2 dan dua puloh orang wanita.

Manakala bagi pesalah2 yang melakukan kesalah-an2 yang berat (hard core) akan di-tempatkan di-'secure home' (mereka ini akan di-awasi oleh Pe-gawai2 pemulehan akhlak yang terlateh dan akan di-kenakan disiplin yang ketat). 'Secure home' ini boleh menyediakan tempat untok sa-puloh orang le-laki dan sa-puloh orang wanita.

'Remand Home' atau pun tempat sementara ia-lah bagi penempatan pesa-lah2 yang menanti untok d-bicharakan oleh pehak yang berwajib. Tempat ini di-khaskan untok lelaki sahaja yang boleh menam-pong dua puloh orang. Ini ada-lah memandangkan kebanyakan pelaku2 jenayah ada-lah terdiri dari golongan lelaki belia belasan tahun.

## LATEHAN2

Telah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok melateh mereka mengikuti beberapa latehan di-Pusat Pemulehan Akhlak ini nanti. Latehan2 yang akan mereka ikuti itu nanti meliputi kursus vokeshenal dan akademik.

Dalam kursus vokeshe-nal, antara perkara2 yang akan mereka pelajari termasok-lah pertukangan tangan (handicraft), per-tukangan kayu (wood-work) dan juga membaiki alat2 jentera ringan.

Dari segi akademik ma-ka pelajaran ugama ada-lah di-titik beratkan. Ini ada-lah satu chara melateh mereka supaya bersifat sopan-santun, hormat menghormati sesama mereka, berdisiplin dan bertanggong-jawab.

Di-Pusat ini nanti, masa mereka di-perbanyakkan untok menjalani kursus2 vokeshenal.

Dengan mengikuti la-tehan2 amali atau pun praktikal ini, mereka akan dapat menumpukan sa-pe-noh masa dengan kerja2 yang mereka buat. Dengan itu sa-chara berperingkat2 mereka akan dapat melu-pakan kesalahan2 yang pernah mereka lakukan itu.

Antara lain tujuan-nya ia-lah supaya mereka ini, apabila keluar nanti akan membawa bersama penga-laman2 yang telah mereka pelajari sa-masa berada di-Pusat Pemulehan Akhlak itu.

Dengan pengalaman2 itu mereka bukan saja sa-kadar dapat membuka hi-dup baru malahan dapat menyumbangkan bakti ka-pada bangsa dan negara. Dengan yang demikian mereka tidak akan terchi-chir di-pinggir jalan dan menjadi kutu2 masha-rakat.

## MORAL WANITA

Keruntohan moral wani-ta2 kerap kali kita bacha dan dengar dari mass-me-dia2 saperti akhbar, talivi-shen dan radio. Saperti di-negeri2 lain yang mempu-nyai lebehan pendudok yang ramai, krisis moral di-kalangan wanita2 telah menjadi satu penyakit masharakat dan menjadi beban kapada negeri itu.

Kita di-Brunei sangat beruntong kerana kerun-tohan akhlak di-kalangan wanita2 di-negeri ini san-gat-lah sedikit bilangan-nya jika di-bandingkan dengan negeri2 lain.

Ada-lah menjadi tang-gong-jawab Pusat Pemule-han Akhlak ini nanti untok memulehkan akhlak wani-ta2 yang jatoh moral-nya dengan memberi bimbing-an2 dan didekan2 keuga-maan yang sempurna.

## PERKHIDMATAN KEMASHARAKATAN

Pusat Pemulehan. Akh-lak ada-lah satu chawang-an perkhidmatan kema-sharakatan yang penting dari segi pembangunan ne-gara. Sa-seorang yang run-toh akhlak-nya, kadang-kala menyebabkan ia me-lakukan jenayah atau pun sesuatu yang melanggar adat-resam masharakat-nya.

Justeru itu Pusat ini akan bertanggong-jawab mengambil langkah2 yang positif atau pun tindakan yang wajar bagi pemuleh-an akhlak tersebut.

Tujuan Jabatan Kebaji-kan Masharakat menem-patkan mereka di-Pusat Pemulehan Akhlak ini ia-lah supaya mereka itu akan dapat balek ka-pang-kal jalan dan menjadi ra-ayat yang berguna dan bertanggong-jawab.

Kebanyakan mereka yang terlibat itu terdiri dari golongan muda yang berumor belasan tahun dan jika di-tinjau dari segi pemikiran maseh lagi di-bawah peringkat kedewa-saan. Mereka ini sangat memerlukan bimbingan, didekan dan kaseh sayang dalam usaha2 pemulehan akhlak mereka.

Dengan ada-nya Pusat Pemulehan Akhlak ini nanti, maka sudah tentu ia-nya memerlukan kerja-sama dari banyak pehak. Tanpa kerjasama dari orang awam dan badan2 sukarela yang berkenaan, usaha2 dalam lapangan tersebut tidak akan dapat di-laksanakan dengan le-beh terperinchi dan ber-kesan.

Jabatan Kebajikan Ma-sharakat akan sentiasa mengalu2kan sumbangan kerjasama yang di-perlu-kan dalam menjayakan projek yang besar ini.



Bangunan2 ini ia-lah yang terdapat dalam rangkaian komplek Pusat Pemulehan Akhlak di-Kampong Pulaie. Di-sebelah kiri dan kanan ia-lah bangunan2 'open home' dan 'secure home' bagi perempuan, sementara bangunan di-belakang ia-lah bangunan sekolah.



Sa-lain dari kemudahan2 lain, pusat ini juga mempunyai sa-buah surau (gambar atas).

## Apabila sa-seorang terkeluar dari ugama —

# APA PATUT DI-BUAT-NYA ?

JIKA sa-seorang yang berlaku riddah daripada-nya, sama ada dalam iktikad atau dalam perbuatan atau dalam perkataan (saperti yang di-sebutkan dan di-senaraikan perkara2-nya dalam tulisan sa-belum ini) maka wajib-lah ia meninggalkan perkara yang menjadikan-nya murtad itu, dan wajib ia kembali kapada ugama Islam dengan segera dan dengan tiada berlengah2 lagi.

### KEMBALI ISLAM

ADA pun kembali kapada Islam itu tiada-lah hasil melainkan wajib dengan:—

★ Menguchap Dua Kalimah Shahadah ia-itu :

اشهدان لا اله الا الله

واشهدان محمد رسول الله

Dan tiada-lah memadai dengan menyebut-nya dalam hati sahaja melainkan hendak-lah ia membuang atau meninggalkan perkara yang menjadikan-nya murtad itu dengan berlepas diri daripada-nya.

★ Bertaubat dengan menyesal dari perkara yang membawakan ia kufur dan riddah itu dan wajib ia tiada berazam (berkehendak) akan balek kapada perkara kufur dan riddah yang telah berlaku daripada-nya itu.

### TAUBAT ORANG KAFIR

UMAT Islam telah ijma' bahawa orang kafir apabila ia masok Islam dan ia bertaubat di-atas kekufuran-nya maka sah-lah taubat-nya itu sekali pun kekal dosa2 lain pada-nya.

### ORANG MURTAD

WAJIB di-atas orang murtad itu mengkadha'kan

**Siri ke-116**

tiap2 perkara yang wajib dari perkara shara' yang telah luput daripada-nya dalam masa ia murtad.

Al-Imam As-Shafi'e radhiallahu 'anhu mengatakan : "Apabila sa-seorang itu di-dakwa di-atas ia melakukan riddah atau ia telah murtad pada hal orang itu orang Islam maka saya tiada-lah akan menanya akan hal-nya bahkan saya akan menyuroh-nya menguchap Dua Kalimah Shahadah dan mengingatkan-nya supaya berlepas diri dari segala ugama yang menyalahi dan melawan ugama Islam."

### BATAL

DENGAN sebab berlaku riddah itu batal-lah puasa-nya dan tayammum-nya jika ia berpuasa dan membuat tayammum ganti wudhu' atau hadath besar. Begitu juga batal-lah akad nikah-nya dengan isteri-nya yang Islam sa-belum 'dukhol' ia-itu 'bersatu'. Begitu juga batal akad-nya dengan isteri-nya sa-telah 'dukhol' kira-nya yang murtad sama ada lelaki atau perempuan itu tiada balek masok Islam ketika 'eddah maseh ada.

### TIDAK SAH

'AKAD nikah orang murtad tidak-lah sah. Begitu juga sembelehan-nya ada-lah haram di-makan kerana sembelehan tersebut di-kira bangkai.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

### PESAKA

ORANG murtad tiada-lah mewarithi harta pesaka orang Islam dan orang Islam tiada mewarithi harta pesaka orang murtad.

### MATI BANGKAI

TIADA-LAH sah di-sembahyangkan 'bangkai' orang murtad dan tiada-lah di-mandikan, tiada-lah di-kapankan dan tiada-lah di-kebumikan. Tetapi jika bangkai itu menyusahkan orang maka timbus saja bangkai tersebut di-bawah tanah.

### HARTA

ADA pun harta peninggalan orang murtad ada-lah menjadi FAI' ia-itu menjadi harta Baitul Mal.

*WALLAHU A'ALAM.*

---

DARI MUKA 2

# Jawatan Guru Ugama suatu jawatan yang mulia

d) Dia perlu juga menarik kegemaran murid kapada pelajaran yang hendak di-ajarkan-nya. Sa-sudah itu, dia tahu pula hendak mengekalkan kegemaran dan penumpuan perhatian murid2-nya sa-panjang pengajaran-nya. Dengan kata lain, dia menguasai teknik, menimbul dan mengekalkan motivasi murid-nya terhadap pembelajaran."

### KELEBEHAN GURU

Awang2 dan Dayang2 yang bertugas sa-bagai Guru2 Ugama, dan berusaha dengan sa-penoh hati dengan jujor dan amanah yang di-sertai dengan keikhlasan kerana Allah dalam menyempurnakan hak2 dan kewajipan nekmat jawatan Guru2 Ugama yang di-korniakan Allah kapada Awang2 dan Dayang2 itu, tidak-lah sia2, kerana Allah Subhanahu Wata'ala memperuntokkan kelebehan2 yang tertentu di-dalam bidang yang Awang2 dan Dayang2 sempurnakan itu, yang mana Awang2 dan Dayang2 ada-lah sentiasa belajar dan mengajar. Untok ini saya memetek susunan Imam Al-Ghazali yang terdapat dalam Kitab Ihya Ulumuddin saperti berikut:—

" 1) Rasulullah s.a.w. dalam beberapa sabda-nya ada menyebutkan:

"Barang siapa menjalani suatu jalan untok menuntut ilmu, maka di-anugerahi Allah kapada-nya jalan ka-Shorga."

• "Sa-sunggoh-nya Malaikat membentangkan sayap2-nya kapada penuntut ilmu tanda redha dengan usaha-nya itu."

• "Bahawa sa-sunggoh-nya engkau berjalan pergi mempelajari suatu bab dari ilmu ada-lah lebeh baik daripada engkau melakukan sembahyang (sunnat) sa-ratus raka'at."

• "Bahawasa-nya dengan sebab mu di-beri pertunjok oleh Allah akan sa-seorang lebeh baik bagimu daripada dunia dan isi-nya."

Bersabda Nabi Isa a.s. —

Yang bermaksud -"Barang-siapa berilmu dan beramal serta mengajar, maka orang itu di-sebut orang besar di-segala petala langit."

Demikian-lah di-antara kelebehan2 yang telah di-tentukan oleh shara' bagi orang2 yang belajar dan mengajar, yang mana kelebehan2 itu ada-lah teruntok bagi diri mereka sendiri, yang di-antara lain sa-olah2 telah di-sediakan jalan kapada mereka menuju ka-Shorga, para Malaikat melindongi-nya sa-masa ia menuntut ilmu itu, dan ia menjadi orang besar di-sisi Allah.

Ini-lah gambaran yang di-berikan oleh shara' kapada orang2 yang menyempurnakan hak2 dan kewajipan nekmat Allah yang di-berikan kapada-nya, yang mana nekmat itu di-antara lain berhubong rapat dengan jawatan Guru2 Ugama, dan penyempurnaan Guru2 Ugama akan kewajipan2 dan tanggong-jawab2 mereka.

### GURU YANG BERJAYA

Dalam uchapan2 saya telah lalu saya menekankan mengenai dengan : bahawa untok menjadi Guru yang berjaya dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, guru itu memerlukan dua sharat yang utama saperti berikut: —

i) Mempunyai kemampuan akademik, ia-itu menguasai ilmu pengetahuan dan mata pelajaran yang di-ajarkan-nya,

ii) Mempunyai kemahiran kerjaya ia-itu kemahiran2 yang di-perlukan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dan mata pelajaran yang di-ajarkan-nya itu.

Dalam Pendidekan Islam ada dua sharat lagi yang perlu di-mileki oleh Guru2 yang ingin berjaya ia itu:—

i) Mempunyai akhlak dan peribadi yang terpuji,

ii) Mempunyai sikap dan pegangan keugamaan.

Mengenai dengan sikap dan pegangan keugamaan ini, maka saya ingin menekankan bahawasa-nya perkara patuh dan sentiasa menjalankan perintah2 Allah dan menjauhi larangan2-Nya itu menjadi suatu kewajipan yang mutlak yang tidak ada tawar menawar dan tidak ada tolak ansur mengenai-nya. Mengenai hal ini, Imam As-Subki menyatakan:—

"Bahawa Imam As-Shafiee berkata "Barang siapa meringan2kan hak Allah Ta'ala, maka ia lebeh meringan2kan lain2 hak," maka wajib di-atas kamu berusaha pada mengamal ibadat kamu dan memerhatikan barang yang benar dan barang yang hak."

### MENYEMARAKKAN MASJID

Sa-belum saya mengakhiri uchapan saya ini, maka saya ingin menyentoh mengenai dengan Kelas2 Dewasa Ugama. Sa-belum berakhir Tahun 1981, suatu penilaian mengenai dengan perkembangan dan kemajuan Kelas2 Dewasa Ugama yang telah berumor kira2 tujoh belas tahun yang lalu telah mula di-jalankan, dan sa-takat ini hasil dari penilaian itu telah di-dapati, dan nampak-nya alhamdulillah, Kelas2 Dewasa Ugama itu telah dapat menyempurnakan tugas2-nya, dan telah berjaya memberikan bimbingan, asohan dan didekan kapada ra'ayat dan pendudok negeri ini, yang berugama Islam yang mengikuti dengan rajin-nya pelajaran2 dan pendidekan2 yang di-sampaikan di-dalam kelas2 itu. Sekarang ini Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang mengkaji dan memikirkan untok menchapai salah satu tujuan Kelas2 Dewasa Ugama itu ia-itu "Menanamkan perasaan dan semangat serta penyertaan yang aktif dan menyemarakkan masjid dan shi'ar Islam."

### KELAS DEWASA UGAMA

Pemikiran2 sekarang ini sedang di-tumpukan supaya masjid2 menjadi pusat Kelas Dewasa Ugama. Kelas2 Dewasa Ugama akan bertempat di-masjid2 negeri ini. Pelajaran2 akan di-sampaikan menurut sistem yang berjalan di-Masjidil Haram di-Mekkah dan di-Masjid Al-Azhar, Mesir, ia-itu guru2 yang di-tugaskan akan membacha dan menerangkan sa-sebuah kitab yang tertentu, manakala murid2 dan orang2 yang ingin belajar, bersama menadah kitab itu, dan untok melaksanakan ranchangan yang sedang di-kaji ini, masjid2 akan di-bekalkan dengan buku2 pelajaran yang boleh di-gunakan dan di-tadah oleh murid2 dan pelajar2 yang ingin menadah-nya bersama2 dengan guru yang mengajar, dan dengan sendiri-nya masjid2 akan mula di-jadikan sa-bagai perpustakaan yang di-antara lain mengandongi buku2 keugamaan.

### MENJAYAKAN RANCHANGAN

Di-antara perkara yang sedang di-fikirkan ia-lah pemilehan Guru2 yang akan mengajar di-masjid2 itu, salah satu harapan saya kapada Guru2 Ugama di-seluroh negeri ini ia-lah supaya mereka bersedia untok bersama2 menanai dalam menjayakan ranchangan ini, dan saya berharap benar-lah supaya guru yang terpileh, khas-nya anak2 tempatan tidak akan menolak, tidak akan keberatan, tidak akan membuat alasan2 untok mengelak dan melepaskan diri, dari bersama2 untok menyempurnakan hak jawatan dan hak nekmat yang di-berikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kapada kita.

Mudah2an saya telah berlaku adil dalam membuka Kursus Pendidekan yang di-adakan sa-bagai susulan (follow-up) pada menjunjong hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang inginkan supaya pentadbiran Kerajaan ada-lah chekap, jujor dan amanah, di-sertai dengan keikhlasan yang berlandaskan ajaran2 Ugama Islam, saperti yang saya katakan di-awal uchapan saya ini.

Maka dengan mendahulokan lafadz Bismillahir Rahman Nirrahim dan dengan iringan salawat serta salam kapada Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., maka Kursus Pendidekan bagi Guru2 Ugama Daerah Brunei/Muara ini saya rasmikan.

# Alam akhirat semakin dekat:

# KA-MANA UMOR KITA GUNAKAN ?

HENDAK-LAH kita sekalian takutkan azab Allah dengan bertakwa kapada-Nya dengan sa-benar2 takwa dan taat mengerjakan segala surohan-Nya serta sabar menahan derita kerana menjauhkan diri dari larangan-Nya. Sa-sunggoh-nya shurga itu ada-lah di-kelilingi oleh perkara2 yang kita rasakan pahit sedangkan neraka pula di-kelilingi oleh perkara2 yang kita rasakan manis.

Alangkah berbahagia-nya orang yang sentiasa sedar dan insaf akan tugas2 dan kewajipan2-nya di-atas dunia ini! Alangkah bertuah-nya orang2 yang sentiasa berhati2 dalam membuat sa-suatu bagi mengelakkan diri-nya dari melakukan dosa dari mula ia menanggong kewajipan ugama hingga-lah ia kembali menemui Tuhan-nya buat selama2-nya! Insha Allah orang2 Islam yang sa-demikian itu tentu-lah akan beroleh kebahagiaan dan keselamatan hidup di-dunia akan di-akhirat.

Bagi orang yang baru memasoki umor baligh, hendak-lah mereka itu berhati2 dan ingat selalu kerana Allah telah pun memikulkan mereka kewajipan2 ugama, dan memikulkan mereka perkara2 halal dan haram. Bagi mereka di-peruntokkan pula dua orang Malaikat ia-itu Rakib dan 'Atid untok menguasai segala gerak geri dan perbuatan mereka, apa2 jua perbuatan mereka dzahir dan batin akan di-chatet sa-penoh-nya oleh Malaikat2 tersebut. Jangan-lah hendaknya ada mereka yang berfikir oleh kerana umor maseh muda tidak perlu beramal ibadat dan berbuat taat kapada Allah.

## GODAAN SHAITAN

Bagi orang yang dalam lingkongan umor dua-pulohan, jangan-lah hendaknya mereka di-kuasai oleh godaan shaitan dan perasaan muda sa-hingga mereka melakukan kerja2 maksiat, sa-akan2 dunia ini tidak akan berakhir. Hendak-lah mereka itu kasehankan diri mereka sendiri kerana di-hari kiamat kelak akan di-bentangkan Allah segala perbuatan2 mereka di-dunia ini. Dalam keadaan mereka yang mempunyai keadaan badan yang sehat dmn tenaga yang kuat itu patut-lah mereka gunakan kekuatan itu di-dalam mengerjakan segala kebajikan yang di-suroh oleh Tuhan. Kerana bila sudah sakit atau umor sudah tua pasti tidak banyak amal ibadat yang dapat di-kerjakan lagi.

Bagi mereka yang dalam lingkongan umor tiga-pulohan, di-mana kechergasan mereka sa-makin bertambah, semangat mereka sa-makin berkobar dan kemahuan mereka sa-makin meningkat, sampai bila-kah lagi mereka akan menyembah Tuhan, melakukan sembahyang dan amal ibadat yang lain? Sampai bila-kah mereka ashik bermain2 muda sa-oleh2 dunia ini mereka yang punya? Tidak-lah mereka malu kapada Tuhan yang menjadikan mereka?

Bagi mereka yang dalam lingkongan umor empat-pulohan, di-mana akal mereka sudah pun lengkap dan sempurna, pengalaman hidup sudah pun luas, keadaan kehidupan-pun sudah stabil, mengapa maseh belum juga banyak berubah. Mengapa kebiasaan2 lama maseh terus di-amalkan? Apa-kah yang mereka kerjakan sa-lama ini buat diri, ugama, masharakat dan negara mereka?

## BEKALAN

Bagi orang2 yang di-dalam lingkongan umor lima-pulohan, di-mana mereka mula merasakan lemah pada sa-bahagian anggota, mata sa-makin kabur, kulit2 sa-makin kendur, gigi2 pun sa-makin gugor, sa-jauh mana-kah sudah bekalan yang mereka sediakan untok menempoh alam akhirat? Sedangkan alam akhirat itu sudah sa-makin dekat, pangkat dan segala kebesaran dunia akan di-tinggalkan, maseh juga-kah belum sedar, untok menampong kekurangan2 amal ibadat yang telah lalu?

Bagi orang2 yang dalam lingkongan umor enam-pulohan, suatu peringkat umor yang hampir2 atau menyampai umor Nabi Muhammad s.a.w., umor Sayedina Abu Bakar Al-Sideq, umor Sayedina Umar bin Al-Khattab, dan umor Sayedina Ali bin Abi Talib r.a., di-mana rambut kepala pun sudah sa-makin puteh, mengapa-kah ada di-antara mereka yang belum juga kembali kapada Allah dengan hati yang penoh insaf dan sedar, dan maseh-kah perlu bermain2 dan lalai dengan kehidupan dunia yang penoh tipu daya ini? Tidak-kah mereka malu kapada Allah yang telah melanjutkan umor mereka bagi memberi peluang bertaubat dan beramal ibadat?

Bagi mereka yang berumor tujoh-pulohan dan lapan-pulohan ka-atas bererti mereka telah di-korniakan umor yang sangat lanjut, badan sa-makin lemah, penyakit sa-makin kerap menyerang, sudah-kah pula bersedia-sedia sa-penoh-nya untok menghadapi mati. Rasa-nya tiada-lah apa2 lagi yang mereka hajati dari kesenangan dunia ini. Maka elok-lah mereka bergiat terus menerus menambahkan ketaatan kapada Allah.

## BERTAKWA

Demikian-lah kita manusia ini kalau di-izinkan Allah akan menempoh berbagai peringkat umor yang menunjokkan betapa lemah-nya kita sa-bagai makhlok Allah ini sekali-pun atas diri kita sendiri. Jalan yang sa-baik2-nya pada menjalani hidup ini ia-lah bertakwa dan mengerjakan amal ibadat dan kebajikan serta menjauhkan perkara2 yang di-larang oleh Tuhan.

Allah s.w.t. telah berfirman di-dalam Surah Al-Baqarah ayat: 197 kira2 maksud-nya: "*Dan sediakan-lah bekalan bagi diri kamu, ada-pun sa-sunggoh-nya sa-baik2 bekalan itu ia-lah bertakwa.*"

Rasulullah s.a.w. telah bersabda, kira2 erti-nya: "*Sa-baik2 kamu ia-lah siapa yang panjang umor-nya dan baik pula amal-nya. Dan sa-jahat2 kamu ia-lah siapa yang panjang umor-nya dan jahat pula amal-nya*".

Sabda Baginda dalam Hadith yang lain, kira2 erti-nya: "*Sa-baik2 sahaja sa-seorang hamba itu datang di-hari Kiamat, ia akan di-tanyakan empat perkara: Akan umor-nya untok apa yang telah di-habiskan-nya. Tentang anggota badan-nya pada apa yang telah di-gunakan-nya. Kemudian akan di-soal tentang perkara2 yang di-lakukan-nya, juga tentang harta benda-nya dari mana ia memperolehi-nya dan kapada apa di-belanjakan-nya.*"

Dari itu mari-lah kita sekalian dari segala peringkat umor membuat perhitongan ka-atas diri kita masing2 di-dunia ini sa-belum di-kira segala amalan kita di-akhirat. Kelalaian kita menyediakan bekalan yang sa-chukop-nya boleh menyebabkan kita akan menyesal dan akan mendapat seksa yang pedih di-akhirat kelak.




## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb Februari, 1982 hingga ka-hari Selasa 9hb Februari, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini :**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 4hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 5hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 6hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 7hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 8hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 9hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Utamakan didekan Ugama kapada anak2

*Bingkisan Minggu Ini*

Dalam menghadapi kehidupan di-dunia yang penoh dengan sa-ribu macham perkembangan di-waktu ini, kita sa-bagai Umat Islam sa-harus-nya berjaga2 atau berwaspada terhadap chorak kemodenan dunia yang sa-bilangan besar-nya berpuncha dari dunia Barat atau Eropah, dan ada sa-bahagian-nya juga datang-nya dari golongan umat Islam yang kehidupan dan jiwa-nya di-pengarohi oleh anasir2 dari mula-nya lagi berikhtiar untok memporakpurandakan kesetabilan dan kesuchian Umat Islam khas-nya Ugama Islam itu sendiri.

Dengan berjaya-nya anasir2 itu menyusop dan menjiwai chorak kehidupan umat Islam, maka akan senang-lah sa-suatu yang boleh menghanchorkan masharakat umat Islam itu di-salorkan. Salah satu jalan yang di-lakukan oleh anasir2 yang bersifat jahat itu ia-lah dengan mempengarohi golongan muda-mudi atau belia2 Islam supaya terikut2 dan sa-terus-nya melakukan sa-suatu yang sudah tentu-nya bertentangan dengan tatasusila kehidupan umat Islam, malah yang lebeh dahshat lagi ia-lah melakukan perkara2 yang bertentangan dengan hukum Allah s.w.t. dan Sunnah Rasul-Nya.

## IBUBAPA

Jadi dalam perkara ini sudah tentu ada golongan yang boleh menghindarkan-nya dari berlaku-nya sa-suatu itu, dan golongan ini-lah yang bertanggong-jawab dalam menchorak-warnakan kehidupan jenarasi2 yang akan datang. Golongan yang di-maksudkan ia-lah ibu-bapa, siapa yang antara lain yang selalu berdamping rapat dengan anak2-nya, maka dengan jalan yang sa-demikian sudah sa-wajar-nya ibu-bapa bertanggong-jawab dalam memberi chontoh tauladan dan didekan yang sempurna terhadap anak2-nya. Dalam masharakat Islam, pendidekan yang paling berkesan ia-lah didekan ugama. Kerana didekan ugama sahaja merupakan benteng yang paling kukoh untok menchegah anak2 dari terjerumus ka-dalam lembah kehanchoran moral, khusus-nya di-zaman perkembangan kebudayaan barat dan pengaroh lain2 ugama di-dunia ini.

## DIDEKAN UGAMA

Sa-sunggoh-nya anak2 itu akan menjadi orang dewasa yang tentu-nya akan mempunyai peranan dalam masharakat di-masa yang akan datang nanti. Jika dari sekarang ini mereka di-beri didekan ugama sa-chukop2-nya, maka mereka akan menjadi orang yang taat dan berguna apabila dewasa kelak. Sebaleknya jika didekan ugama kapada mereka di-abaikan neschaya akan menjadi-lah mereka itu orang yang berugama pada kulit sahaja.

Kerana itu-lah Ugama Islam mengutamakan didekan ugama bagi anak2 lebih daripada perkara2 yang lain, ini bukan-lah bermakna didekan2 yang lain itu tidak berguna, malah dalam Islam didekan ugama ada-lah di-jadikan anak kunchi keselamatan hidup kita di-dunia dan di-akhirat, manakala didekan ilmu pengetahuan yang lain ada-lah juga menjadi keperluan yang wajib di-tuntut guna untok menjadi kekuatan dan kemajuan kehidupan di-dunia ini.

## KRISIS MORAL

Anak2 jika tidak mempunyai didekan ugama, besar kemungkinan akan menghadapi krisis moral di-masa depan umpamanya sa-suatu perbuatan churang di-anggap sa-bagai suatu perbuatan yang baik walau pun bertentangan dengan naluri kehidupan manusia atau sifat semula jadi manusia, apa-tah lagi yang bertentangan dengan ugama atau undang2 negara. Dalam hal ini chuba kita menoleh ka-belakang dan mengingat kembali bahawa sa-bahagian besar muda-mudi Islam yang telah rosak moral dan terlibat di-dalam kes2 jenayah ada-lah di-sebabkan oleh kosong jiwa-nya dari pengetahuan ugama, kosong dari chita2 luhor dan murni untok menjadikan diri-nya sa-bagai pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara.

## AMBIL BERAT

Oleh yang demikian peranan mendidek anak2 dengan pendidekan ugama bukan-lah sa-mata2 terletak kapada guru2 ugama, malah para ibu-bapa harus mengambil berat dan mempunyai peranan yang sama dalam berkewajipan memberi didekan keugamaan kapada anak2. Dalam perkara ini para ibu-bapa tidak akan terlepas dari tanggong-jawab dan peranan pendidekan ka-arah masharakat berjiwa Islam.

Sa-sunggoh-nya peranan ibu-bapa kapada ahli-nya akan di-tanyakan di-hari kandila, sa-bagaimana maksud sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. yang maksud-nya kira2: "Sa-orang laki2 itu mempunyai peranan mendidek ahli2-nya (keluarga-nya), akan di-soal tentang peranan-nya, isteri di-rumah, suami-nya akan di-soal tentang peranan-nya dan sa-tiap kamu ada mempunyai peranan dan sa-tiap kamu akan di-soal tentang peranan-nya". Kerana itu-lah kita sa-bagai umat Islam hendak-lah menjalankan segala peranan yang di-pertanggong-jawabkan kapada diri kita, mudah2an dengan yang demikian semua perkara yang tidak di-ingini akan dapat di-hindarkan dan akan terus lenyap daripada ia-nya berlaku di-kalangan masharakat umat Islam.

## Ibubapa di-seru:

# AWASI ANAK2 DARI MELAKUKAN PERKARA2 BUROK — P.O.K. Laila Wangsa



PARA jemputan khas turut mempersembahkan marhaban pada mengakhiri majlis pada malam itu.

KAMPONG LAMBAK, MUKIM BERAKAS. — Ibubapa di-negeri ini di-seru mengawasi pergerakan anak2 mereka pada sa-tiap hari bagi mengelakkan dari melakukan kegiatan2 yang boleh merosakkan imej negara saperti pemilekan dadah merbahaya dan senjata api.

Keadaan anak2 muda yang terbiar dengan kebebasan2 dan senantiasa terdedah kapada gejala2 burok ada-lah petanda2 yang membimbangkan dan memerlukan langkah2 untok mengembalikan perhatian mereka kapada identiti bangsa Brunei yang tulin.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd Salleh.

### LANGKAH PERLU

Demikian di-tekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg Haji Md. Salleh bin Haji Masri ketika beruchap selaku tetamu khas di-perjumpaan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., yang di-adakan oleh pendudok2 Kampong Lambak Kiri dan Kanan serta Terunjing Baru, bertempat di-Dewan Sekolah Dato Mahawangsa Lambak baru2 ini.



Ustaz Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir.

Ibubapa, kata-nya, harus membuat langkah2 perlu dalam mengawasi dengan sunggoh2 terhadap gelagat sa-tengah anak2 muda belia sekarang ini yang saolah2 tidak mengindahkan soal2 ketenteraman termasok ketenteraman hidup berkampong.

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menegaskan bahawa di-pehak Kerajaan langkah2 tegas telah pun di-laksanakan dan baru2 ini dua buah undang2 yang besar telah di-luluskan iaitu Penyalah-gunaan Dadah dan Pemilekan Senjata2 Api yang di-dalamnya memeterikan hukuman2 bunuh atau gantong sampai mati.

Dengan hal yang demikian, Yang Berhormat itu yakin bahawa orang2 Brunei sudah tentu tidak akan rela anak2 mereka terkapar mati di-tali gantong. Ini bukan sahaja kerana bakal memalukan nama keluarga tetapi juga memalukan nama baik bangsa Brunei.

### TIDAK MUDAH

Atas asas2 ini, YB Pehin Orang Kaya Laila Wangsa juga yakin yang penagehan dadah dan perbuatan2 jenayah tidak akan mudah di-lakukan oleh orang Brunei — kalau pun ada hanya-lah di-perengkat jenayah rengan. Bagaimana pun, Yang Berhormat itu tidak menafikan kemungkinan2-nya bila di-tinjau kapada pengaroh2 luar yang di-katakan-nya semakin kuat melanda Brunei.

Menyentoh mengenai dengan pengaroh2 luar ini, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menyeru raayat dan pendudok negeri ini supaya menguatkan kewaspadaan pada menerima kedatangan orang2 luar ka-kampong2 atas nama ajen2 penjual berbagai barangan.

Yang Berhormat itu mengingatkan tentang kemungkinan orang2 saumpama itu menjadi duri kapada keadaan Brunei yang sa-lama ini terjamin keamanan dan ketenteraman-nya.

"Banyak kemungkinan2 jahat yang boleh di-lakukan oleh orang2 yang saumpama itu, dan kita harus mengambil chontoh dari kejadian2 yang kerap berlaku di-luar negeri dari perbuatan2 orang2 jahat yang menyamar sa-bagai wakil penjual berbagai barangan itu," jelas-nya.

Yang Berhormat itu juga menyeru ibubapa, terutama-nya di-sekitar Kampong Lambak, supaya jangan membiarkan anak2 mereka berkeliaran saperti bermain basikal beramai2 di-jalan2 raya.

Hal ini, kata-nya, bukan sahaja memungkinkan kemalangan2 diri mereka sendiri, bahkan boleh mengganggu ketenteraman hidup berkampong sa-lain dari mendedahkan anak2 itu kapada perkara2 yang tidak berfaedah.

### PRINSIP HIDUP

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa juga menyeru pendudok2 kampong supaya mengamalkan prinsip hidup berbaik2, tolong-bantu antara mereka dan sentiasa berusaha untok kebaikan nama kampong dalam semua segi bagi kepentingan perpaduan dan keharmonian berkampong.

Kata-nya, kalau Kampong Lambak dan sekitarnya tidak berjaya menyandang gelaran 'Kampong Terpuji', maka elakkan-lah dari mendapat nama sabagai 'Kampong Terkeji'.

Pensharah khas dalam sambutan itu, Ustaz Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir telah menumpukan perhatian sharahan-nya terhadap penting-nya pembersehan hati pada diri satiap umat Islam sa-bagai jaminan yang utoh untok menguatkan iman dan mengujudkan kesejahteraan yang di-tuntut oleh Islam.

Untok melahirkan anak2 yang saleh, kata-nya, maka pendidekan Islam sudah sampai masa-nya di-wajibkan kapada sa-tiap penuntut Islam dan di-mestikan untok di-ambil dalam pepereksaan2 yang di-dudoki oleh mereka.

Kalau langkah yang demikian tidak di-ambil, beliau bimbang akan ujud anak2 yang durhaka kapada ibubapa mereka saperti menyerahkan ibubapa mereka kapada rumah2 orang tua.

"Islam tidak menggalakkan perbuatan yang saumpama itu, malah memestikan anak2 menghormati dan menjaga orang tua mereka," jelas-nya.

Gejala2 tidak hormat kapada orang tua, jelasnya sudah pun berputek di-kalangan anak2 muda hari ini saperti tidak masok nasihat dan tidak mahu di-larang dan akibat dari itu mereka jua yang menerima bala.

Kerana itu, kata-nya, langkah2 segera patut benar di-ambil terutama dalam mengesankan pendidekan Islam ka-dalam jiwa sa-tiap penuntut2 Islam.

### MARHABAN

Majlis pada malam itu di-akhiri dengan persembahan marhaban dari pendudok2 kampong tersebut yang juga di-ambil bahagian sama oleh jemputan2 khas termasok Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Md. Zain; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa, Col. Dato Seri Pahlawan, Awang Hj. Mohammad bin Hj. Daud; Pengawal Imigeresen, Dato Paduka Awang Abidin bin Abd. Rashid, dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Dermajasa, Dato Hamzah Pahlawan Haji Awang Metali bin Osman. — HAA.

## Kelas Pelajaran Dewasa di-SISB

TUTONG. — Kelas Pelajaran Dewasa di-perengkat rendah, B.J.C.E. dan G.C.E.'O' Level akan di-adakan di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

Kelas tersebut akan di-buka tiap2 hari persekolahan, yang di-mulai pada jam 5.30 petang hingga jam 8.30 malam.

Oleh yang demikian kapada mereka yang berminat untok mengikuti kelas tersebut boleh-lah mendapatkan keterangan yang lebeh lanjut dari Awg Mohd. Azman bin Abdullah di-sekolah itu, pada waktu sekolah di-buka di-antara jam 8.30 pagi hingga pukol 12.30 tengah hari atau talipon pejabat 21357.

## Lebeh aktif semarakkan masjid dan Shi'ar Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain berkata jabatan-nya sedang mengkaji dan memikirkan untok menchapai salah satu tujuan Kelas2 Dewasa Ugama di-negeri ini.

Tujuan tersebut, kata Yang Berhormat, ia-lah untok menanamkan perasaan dan semangat serta penyertaan yang lebeh aktif dalam menyemarakkan lagi masjid2 dan shiar Islam.

Merasmikan Kursus Pendidekan sa-hari kapada lebeh kurang 700 orang guru2 ugama bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan minggu lalu, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu seterus-nya berkata untok menchapai tujuan tersebut semua Kelas2 Dewasa Ugama akan di-pusatkan di-masjid2 di-negeri ini.

Ia-nya, jelas Yang Berhormat, akan di-kelolakan menurut sistem yang berjalan di-Masjidil Harram, Mekah dan di-Masjid Al-Azhar, Mesir.

"Ia-itu guru2 yang di-tugaskan akan membacha dan menerangkan sasebuah kitab yang tertentu, manakala murid2 dan orang2 yang ingin belajar bersama2 menadah kitab itu," ujar-nya.

Untok tujuan ini, kata Yang Berhormat sa-terusnya, masjid2 berkenaan akan di-bekalkan dengan buku2 pelajaran yang boleh di-gunakan dan di-tadah oleh murid2 dan pelajar2 yang ingin menadahnya bersama guru2 yang mengajar.

"Ini dengan sendiri-nya masjid2 akan mula di-jadikan sa-bagai perpustakaan yang di-antara lain mengandongi buku2 keugamaan," kata Yang Berhormat.

Kapada guru2 ugama yang akan terpileh untok menjayakan ranchangan itu nanti, khas-nya guru2 tempatan, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama mengharapkan supaya mereka tidak akan menolak, tidak akan keberatan dan tidak akan membuat alasan2 untok mengelakkan diri dan melepaskan diri dari bersama2 untok menyempurnakan hak jawatan dan hak nekmat yang di-berikan oleh Allah Subhanahu Wataala kapada mereka.

"Mudah2an saya telah berlaku adil dalam membuka Kursus Pendidekan yang di-adakan sa-bagai susulan (follow-up) pada menjunjong hasrat dan titah Kebawah DYMM yang inginkan supaya pentadbiran kerajaan ada-lah chekap, jujor dan amanah, di-sertai dengan keikhlasan yang berlandaskan ajaran2 Ugama Islam," kata Yang Berhormat.

## Baharui Pas Kerja sa-bulan lebeh awal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mulai 1hb. Mach, 1982 ini, sa-tiap majikan di-kehendaki menghadapkan permohonan2 untok membaharui pas2 kerja bagi pekerja2 mereka sa-bulan sa-belum pas kerja tersebut mansoh.

Menurut pengumoman yang di-keluarkan oleh Pesurohjaya Buroh, YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris minggu lalu, menyatakan sa-tiap permohonan yang di-hantar kurang dari sabulan tidak akan di-terima.

Kata-nya, semasa majikan menghadapkan Borang 500, samada untok pembaharuan atau pun merayu, majikan mestilah membawa surat menyurat berhubong dengan permohonan pas kerja yang di-keluarkan oleh Jabatan Buroh.

Di-samping itu, majikan juga ada-lah di-kehendaki membawa surat kebenaran atau lesen yang terakhir.





## KAMPONG TERPUJI

KAMPONG Bukit Sawat, ia-lah sa-buah kampong letak-nya di-Ulu Belait dan berjaya di-pileh sa-bagai Kampong Terpuji di-daerah itu. Sempena dengan kemenangan-nya, Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei, telah menghadiahkan sa-buah lukisan menggambarkan keindahan kampong tersebut.

Pada hari Sabtu 23hb Januari lalu, telah di-adakan berbagai2 perayaan, saperti sokan di-ayer dan darat. Dan kemunchak achara ia-lah penyampaian hadiah yang di-sampaikan oleh Penolong Pengarah Radio Talivishen Brunei, Awang Md Alimin bin Haji Abdul Wahab kapada Ketua Kampong Bukit Sawat, dan seterus-nya di-meriahkan dengan Pesta Ria yang di-persembahkan oleh pendudok2 kampong tersebut dan artis2 tempatan serta penari2 RTB.

Kampong Terpuji merupakan projek Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei kali yang pertama.

**intisari RTB minggu ini**





'RAINBOW', ia-lah ranchangan pelajaran mengandongi lagu2, pantun2 untok kanak2 yang di-bawah lima tahun dan belum penoh. Siri ini di-siarkan hari Selasa jam 5.25 petang.

# RANCHANGAN TVP DARI 8HB. HINGGA 14HB. FEB.

### ISNIN — 8HB FEB.

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 4.
(My House)
Look, Listen and Speak kali ini mengajar murid-murid nama-nama bilek yang terdapat dalam rumah dan beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'd'.

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
(Batang)
Batang ada-lah sambongan dari akar. Batang merupakan saloran atau jalan yang menolong pokok untok menghantar ayer dan zat2 makanan yang di-resap oleh akar.
Batang tumbohan ada bermacham-macham jenis. Ada batang tumbohan yang berkayu keras dan ada pula yang lembut.
Apa-kah jenis2 batang yang lain dan apa-kah sebab-nya ia berkeadaan demi-kian ? Jangan ketinggalan mengikuti siri ranchangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 538.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, JIG-SAW dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 538.

### SELASA — 9HB FEB.

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN — "LOOK, LISTEN AND SPEAK 4."
(My House)

9.20 SIARAN ULANGAN — SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI (Batang)

10.30 KAP KAP UDANG 539.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti NAIK KUDA, FILEM INSERT, KATA SI-MANIS, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 539.

### RABU — 10HB FEB.

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN — "LOOK, LISTEN AND SPEAK 4."
(My House)

9.20 SIARAN ULANGAN — SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI (Batang)

10.30 KAP KAP UDANG 540.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, PETI SURAT, YANG MANA GANJIL, AMINAH, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 540.

### KHAMIS — 11HB FEB.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 541.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, MAIN KIM, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, KAJIAN SAMULA JADI dan CHERMIN SAKTI

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 541.

### JUMAAT — 12HB FEB.

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, BELON SI-MANIS, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 13HB FEB.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 542.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERLAKUN, TEKA BENDA, MAIN BOLA, LUKISAN DARI RUMAH, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 542.

### AHAD — 14HB FEB.

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, SI-AMIN, PETI SURAT, KATA SI-MANIS, PA' LONG, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI

## *KEK KUKUS*

**Bahan2-nya :**

- 12 oz mentega
- 14 oz gula halus
- 1 kati tepong
- 3 sudu makan cream of tartar
- 2 sudu makan bicarbonate of soda
- 1 biji buah pala (di-tumbok jadikan
- 1 kotak mix fruit atau kismis halus
- 6 biji telor
- 2 gelas gula pasir (gula kopi)
- ½ gelas lebeh ayer sejok

**Peratoran-nya :**

Mula2 tepong, bicarbonate of soda, cre dan buah pala yang di-tumbok halus tadi Kemudian di-ayak dua, tiga kali. Sa-lep gaulkan dengan satu kotak buah champor gaul betul2.

Sementara itu di-tempat yang lain kita tega dan gula sampai kembang, sa-tela atau sa-telah di-putar kira2 lima minit la telor satu2 sampai habis, pukol-lah kira2 baru-lah masokkan tepong yang sudah di- ngan bahan2 tadi. Gaul rata2.

Sementara itu goreng gula yang sa-ban las tadi, ia-itu goreng begitu saja, goreng perlahan, biarkan gula-nya betul2 hanch warna perang baru-lah tuangkan ayer sa- di-nyatakan. Biar mendideh sekejap, la dan terus saja di-tuang ka-dalam adunan chepat2 supaya gula-nya tidak beku.

Sediakan achuan alas kertas minyak la adunan tadi ka-dalam-nya. Lepas itu tuto ngan kertas timah (foil diamond). Kita be untok mengelakkan dari di-masoki ayer, k di-masoki ayer, kek-nya kurang elok. Kem lah kukus sa-lama empat jam.

Untok perhatian puan2, puan2 tidak buka tutop kek ini untok mempastikan m dak, ia-nya akan masak sa-telah di-ku empat jam. Chuma puan2 selalu tambahk kusan saja, ia-itu hendak-lah di-tambah panas supaya masak-nya sama rata.

# PEGAWAI2 YANG NAIK PANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan kenaikan pangkat YAM Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali ka-jawatan Jurutera Ayer Daerah di-Jabatan Kerja Raya ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Sa-belum itu, Yang Amat Mulia ia-lah saorang jurutera ayer di-jabatan yang sama.

Lain2 pegawai yang dinaikkan pangkat yang telah di-umomkan oleh Jabatan Perjawatan ada-lah saperti berikut:

Tiga orang Guru Terlateh dan dua orang Pensharah di-Jabatan Pelajaran telah dinaikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Guru2 Terlateh itu ia-lah Awg Abd. Kassim bin Haji Sapar, mulai 12hb. Ogos, 1981; Haji Zabidi bin Haji Nassar, mulai 16hb. Julai, 1981 dan Awang Abu Hanifah bin Haji Md. Salleh, mulai 11hb. Mach, 1981. Penolong Pensharah ia-lah Awg. Mohd. Noor bin Haji Mohd. Salleh dan Awg. Hashim bin Haji Abd. Hamid. Lantekan kedua2 orang pegawai itu bermula 2hb. Julai 1981.

Dyg. Fatimah bte Haji Abd. Rahman, Pensharah; Pengiran Ibrahim bin Pengiran Damit, Penyusun Pendidekan Jasmani dan Pengiran Haji Duraman bin Pengiran Baha, Guru Tingkatan Khas juga di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran mulai 2hb. Julai 1981.

Awang Rosli bin Omar dan Awang Abu Bakar bin Abd. Rahman, kedua2-nya Pegawai Pertanian, di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pertanian Kanan mulai 1hb. Januari, 1982.

Tiga orang dari Jabatan Kastam, juga di-naikkan pangkat. Awang Masrah bin Haji Mansor sa-bagai Penguasa Kastam Kanan, jawatan dalam Bahagian II mulai 1hb. Oktober, 1981. Pengiran Mohd Dani bin Pengiran Haji Idris dan Haji Abd Rashid bin Haji Kahan, Pegawai Kastam, dinaikkan pangkat sa-bagai Penyelia (Dalam) mulai 1hb. Nobember, 1981.

Tiga orang di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Muzium di-Jabatan Muzium, jawatan dalam Bahagian III bermula 1hb. Disember, 1981. Mereka ia-lah Awang Omar bin Awg. Tunjang @ Munaf, Awg. Tarip bin Haji Ladis dan Haji Ahmad bin Ibrahim.

Awg. Saman bin Haji Mat Salleh @ Saman bin Haji Mohd. Salleh, Penyelia Kanan, Jabatan Kemajuan Kerjasama di-naikkan pangkat sabagai Penolong Pegawai Kemajuan Kerjasama di-jabatan yang sama.

Dua orang Penyelia Terlateh, Jabatan Kemajuan Kerjasama di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia Kanan Kerjasama di-jabatan yang sama mulai 1hb. Disember, 1981. Mereka ia-lah Awang Mahat bin Haji Hassan @ Ahmad dan Ak. Ahmad bin Pengiran Metassan/Metasan.

Tujoh orang Guru Ugama Terlateh Tingkatan Khas — JHEU, tiga orang di-naikkan pangkat sebagai Nadzir Sekolah2 Ugama dan empat orang ka-jawatan Nadzir Sekolah2 Ugama Dewasa. Mereka yang di-naikkan pangkat ka-jawatan Nadzir Sekolah2 Ugama ia-lah Awang Haji Damit bin Haji Kawang, Awg Abdullah bin Daud dan Haji Abdullah bin Lakim.

Awang Abd. Rahman bin Piah, Awang Musa bin Mantok, Awang Mohd. Ali bin Mohiddin dan Pengiran Merali bin Pengiran Ismail dinaikkan pangkat sebagai Nadzir Sekolah2 Ugama Dewasa.

Lantekan pangkat bagi pegawai2 tersebut bermula pada 1hb. Nobember, 1981.

Sepuloh orang Guru Ugama Terlateh — JHEU di-naikkan pangkat sa-bagai Guru Ugama Terlateh Tingkat Khas. Mereka ia-lah Awang Muhammad bin A. Hamid, Mohamed Daud bin Haji Mumin, Awang Salleh bin Hj Murah, Awang Ahmad bin Haji Abu Bakar @Md Noor bin Haji Abu Bakar, Pengiran Umar bin Pengiran Haji Ahmad, Awg. Abd. Wahab bin Apong, Pengiran Mohd. Kassim bin Pengiran Md. Salleh, Dk. Mastura binte Pengiran Mustapa, Dyg. Norsiah bte Hj. Ahmad dan Awg. Hassan bin Jamil @ (Amir). Kenaikan pangkat bagi mereka bermula dari 1hb. Nobember, 1981.

Lima orang Pembantu Teknik Kanan dan sa-orang Pengawas Tingkat Khas JKR, di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pembantu Teknik dijabatan yang sama. Mereka ialah Awang Tajuddin bin Haji Sanip @ Tajuddin bin Md. Sanip, Awg. Chacko Varughese, Awang Leong Siew Loong, Awg. Mohd Zain bin Haji Yahya @ Matjin bin Haji Libar, Awg. Mohd. Deli bin Johari dan Awg. Sabtu bin Kamit. Lantekan mereka bermula pada 1hb. Nobember, 1981.

Lima orang Pembantu Teknik dan dua orang Pengawas Tingkatan I di-jabatan yang sama di-naikkan pangkat sabagai Pembantu Teknik Kanan, jawatan dalam Bahagian III. Mereka ia-lah Awang Hj. Abd. Gapor bin Damit, @ Abd Ghafor bin Damit, Abd. Kahar bin Haji Mohd. Taha, Ismail bin Yusof, Mohd Taib bin Haji Tuah Hj. Masri bin Osman, Mat Jali bin Lamit dan Awg. Ahmed bin Damit. Lantekan mereka bermula pada 1hb. Nobember 1981.

Tiga orang Penolong Pensharah Maktab Perguruan Ugama di-naikkan pangkat sabagai Pensharah Maktab Perguruan di-jabatan yang sama ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Mereka ia-lah Awang Tengah bin Abd. Latif, Abd. Razak bin Bungsu dan Awang Thani bin Mohammad. Kenaikan pangkat bagi pegawai2 tersebut bermula 1hb. Julai, 1981.

Empat orang Ranger Hutan Tingkat II di-naikkan pangkat ka-jawatan Ranger Hutan Tingkat I. Mereka ia-lah Haji Yahya bin Mohd. Said, Hanafiah bin Bungsu @ Abu Hanafiah bin Bungsu, Sabli bin Gemok dan Haji Abd Latif bin Mohd. Taib. Kenaikan pangkat bagi mereka itu bermula pada 1hb. Januari 1982.

Tiga orang Penyelenggara Setor Tingkatan I, Awg. Maarif bin Haji Md. Ya'akub/Yaakub, Letrik dan Awg. Ajak bin Omar @ Abd. Razak Omar, Perubatan dan Hasnan bin Ali Hassan, JKR di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan Khas mulai 1hb. Januari, 1982.

Awg. Abd. Latip bin Haji Tengah, Pembantu Teknik Kanan — JKR di-naikkan pangkat sa-bagai Juru Ukor Bahan, jawatan dalam Bahagian II mulai 27hb. Julai, 1981.

Awang Lamudin bin Haji Jaafar, Pekerja Kebajikan Masharakat di-naikkan pangkat sa-bagai Pekerja Kanan Kebajikan Masharakat, di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Awang Jusif bin Abu Bakar Pegawai Melesen Perikanan di-naikkan pangkat sabagai Pegawai Melesen Perikanan Kanan mulai 1hb. Oktober, 1981.

Awang Haji Salim bin Hj. Saidi, Penolong Penguasa Pasokan Bomba di-naikkan pangkat sa-bagai Penguasa Pasokan Bomba di-Jabatan Bomba mulai 1hb. Ogos 1981.

Awang Musli bin Mumin, Pemereksa Terlateh — Odit di-naikkan pangkat sa-bagai Pemereksa Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb. Disember, 1981.

Dy. Judith Shim Guat New, Penyelia Talipon Tingkat II Talikom di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia Tingkat I di-jabatan yang sama mulai 1hb. Januari, 1982.

Awang Abdullah bin Haji Basir, Merinyu K~~an Hal-Ehwal Ugama di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Kanan Perkembangan Ugama mulai 1hb. Disember, 1981.

Awang Haji Julaihi bin Awg Sulaiman, Penyelia Kanan Sekolah2 Daerah, di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Penguasa Pelajaran Rendah mulai 1hb. Januari, 1982.

Awang Jahri bin Abd. Latif, Pemberita — SUK (Penerangan) di-naikkan pangkat sabagai Pegawai Luar Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb. Disember, 1981.

Pengiran Chuchu bin Pg. Haji Abu Bakar, Juruteknik Ukor Kanan — Ukor, dinaikkan pangkat sa-bagai Juruteknik Ukor di-jabatan yang sama mulai 1hb. Disember, 1981.

Awang Salleh bin Jantan, Juruteknik Pemeliharaan — RTB di-naikkan pangkat sabagai Juruteknik Pemeliharaan Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb. Nobember, 1981.

Dyg. Hajijah bte Abdullah @ Veronica Shim, Pegawai Ranchangan Tingkat II (Bahagian Inggeris) RTB di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Ranchangan Tingkat I (Bahagian Inggeris).

Sementara itu, Jabatan Perjawatan juga mengumomkan pertukaran2 jawatan beberapa orang pegawai dan sa-orang bersara.

Dr. (Miss) Elizabeth Lucy Ryn, Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-tukar jawatan-nya sa-bagai Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan mulai dari 5hb Julai, 1981.

Awang Haji Ahmad bin Hj. Ramli, Nadzir Sekolah2 Ugama Dewasa, di-tukar jawatannya sa-bagai Penolong Pensharah di-jabatan yang sama mulai 22hb. Oktober, 1981.

Awang J.S.I. Glendenning, Pengurus Talikom Kawasan, di-tukar sa-bagai Jurutera Kerja di-jabatan yang sama mulai 22hb. Oktober, 1981.

Penguasa Pos Pengiran Ibrahim bin Pengiran Mohammad, Awg. Metassan bin Haji Metusin dan Dk Haklimah bte Pengiran Penggawa Pengiran Haji Mokhtar Puteh di-tukar nama jawatan mereka sa-bagai Ketua Penguasa Pos di-jabatan yang sama mulai 1hb. Januari, 1982.

Ketua Pos dan Penolong Penguasa Pos Awang Maidin bin Sehin, Awang Yahya bin Haji Hassan, Awang Emran bin Haji Hashim dan Awang Robert Leel Fook Ping ditukar nama jawatan mereka sa-bagai Penguasa Pos mulai 1hb. Januari, 1982.

Merinyu Pos Awg. Ahmad bin Haji Nordin dan Awang Zamhari bin Ali Hassan ditukar nama jawatan mereka sa-bagai Penolong Penguasa Pos mulai 1hb. Januari, 1982.

Awang Leman bin Ahmad, Juru Tulis Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka, di-tukar sabagai Pengarang di-jabatan yang sama mulai 1hb. Oktober, 1981.

Awang A. Noordin bin A. Haji Tengah @ P. Nordin bin Pg. Haji Tengah, Penolong Pegawai Kurikulum, Pelajaran, di-tukar untok memenohi jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Pepereksaan di-Pejabat Lembaga Pepereksaan mulai 1hb. Oktober, 1981.

Awang Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Pegawai Ekonimi, SUK (Yunit Peranchang Ekonomi) di-tukar sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkatan I mulai 1hb. Nobember, 1981.

Awang Haji Johari bin Abd. Rahman, Guru Jururawat Kelinik di-lantek sa-bagai Ketua Jururawat Pengajar mulai 1hb. Disember, 1981.

Awang Anuar bin Haji Abd. Hamid, Juruhebah/Pembacha Berita, RTB, di-tukar ka-jawatan Penolong Penerbit dari jabatan yang sama mulai 1hb. Disember, 1981.

Awang Mahmud bin Awang Damit, Setia Usaha Bandaran telah bersara mulai 24hb. Ogos, 1981.



YAM Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman, Jurutera Ayer Daerah.



Awang Haji Othman, Pengarah Perpindahan.



Awang Abas, Peguamchara Negara.



Awang Haji Badaruddin, Pengarah Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan kenaikan pangkat dan menetapkan jawatan bagi tiga orang pegawai kanan yang berkhidmat dengan Kerajaan Baginda.

Awang Haji Othman bin Haji Yaakub telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pengarah Perpindahan mulai 15hb Disember, 1981 serta di-tempatkan dalam sukatan gaji Kumpolan 2, khas kapada batang tuboh.

Awang Haji Othman di-tukar ka-Jabatan Perpindahan sa-bagai Timbalan Pengarah pada 29hb Oktober, 1980.

Awang Abas bin Haji Serudin di-tetapkan dalam jawatan-nya sa-bagai Peguamchara Negara ia-itu jawatan dalam Kumpolan 3, mulai 1hb Januari, 1982.

Awang Abas memangku jawatan tersebut sejak 6hb Januari, 1981. Sa-belum itu beliau memegang jawatan sa-bagai Penasehat Undang2 Kanan.

Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, di-lantek sa-bagai Pengarah Penerangan, jawatan dalam Kumpolan 3, mulai 1hb Januari, 1982.

Mulai dari tarikh itu juga, jawatan Ketua Pegawai Penerangan di-mansohkan.

# Pegawai2 AMDB ikuti berbagai kursus

BERAKAS. — Beberapa orang lagi pegawai AMDB di-hantar untok mengikuti kursus di-seberang laut.

Sembilan orang pegawai telah bertolak ka-Hongkong Jumaat lalu bagi mengikuti kursus 12 hari Unit Fire Officers di-Army Fire Brigade, Stonecutters Island di-Hongkong.

Menghadhiri kursus tersebut ia-lah lima orang pegawai dari Bahagian Logistik, 124 Lt. Muslim bin A. Tengah, 3033 WO1 Jalil bin Hashim, 3304 WO1 Hashim bin Haji Abd. Wahab, 3023 WO2 Alias bin Hj. Mohd. Salleh dan 3211 WO3 Suhaili bin Haji Ismail, dan 119 Lt. Pg. Ramlee bin PSR Pengiran Haji Jaya dari Skuadron Jurutera Pengempor, 161 Lt. Bujang bin Hamid dari Bengkel Pasokan, 20001 2Lt Sopiah bte Hussaini dari Kompeni Wanita dan 3662 WO2 Abd. Hamid bin Jambol dari Skuadron Perahu Khas.

4124 Sgt. Mohd. Yunus bin Haji Mohd. Hussin dari Bengkel Pasokan juga telah berlepas ka-United Kingdom hari Isnin lalu bagi menjalani kursus 27 Artificer Telecomunications di-Sekolah Kejuruteraan Elektronik, Arborfield di-Berkshire. Kursus tersebut bermula hari ini dan akan berakhir pada 13hb. Mei, 1983.



WO2 Alias



2Lt. Sopiah



WO3 Suhaili



WO1 Jalil.

Sementara itu, dua orang lagi anggota pasokan tersebut akan bertolak ka-United Kingdom pada 13hb. Februari ini bagi mengikuti kursus 22 Platoon Commanders bertempat di-The Tactics Wing, School of Infantry, Warminster.

125 Lt. Awang Harlip bin Haji Basar dari Battalion Pertama dan 169 2Lt. Ak. Mohd. Noor bin Pg. Hj. Mohidi dari Battalion Kedua akan menjalani kursus tersebut selama lebeh kurang tiga bulan, bermula pada 15hb. Februari ini.

# BEBERAPA KAWASAN DI-LANDA BANJIR



PEKERJA2 Pejabat Lembaga Bandaran sebok membersehkan sampah sarap, batang2 kayu, papan2 burok yang di-bawa oleh ayer banjir yang berselerak di-jalan2 raya di-ibu negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa kawasan di-sini telah terjejas oleh banjir akibat hujan lebat yang turun pada malam Rabu lepas. Kawasan yang agak terok di-landa banjir itu ia-lah Kampong Kianggeh di-mana ayer yang melimpah dari Sungai Kianggeh telah naik 2-3 kaki. Buat beberapa jam kawasan itu telah tidak dapat di-lalui oleh kenderaan.

Beberapa buah jabatan kerajaan di-ibu negeri juga hampir terjejas akibat banjir itu, walau bagaimana pun perkhidmatan terus berjalan saperti biasa. Pejabat2 yang terlibat itu ia-lah Pejabat Penerangan, Pejabat Penchen, Pejabat Letrik, Pejabat Perpindahan, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pejabat Tanah dan Ukor dan Jabatan Pengangkutan Darat.

Ada-lah di-fahamkan ayer banjir di-ibu negeri itu berpuncha dari keadaan Sungai Kianggeh yang pengaliran-nya tersekat oleh kerja2 pembenaan projek pengubahsuaian sungai tersebut.

Lain2 kawasan yang terlibat di-landa banjir itu termasok-lah Kampong Perpindahan Berakas, kawasan Perkhemahan Bolkiah, Kampong Sengkurong dan beberapa kawasan lain. Di-samping itu beberapa batang jalan-raya juga telah di-tenggelami ayer, walau bagaimana pun beberapa jam kemudian jalan2 tersebut boleh di-lalui oleh kenderaan.

Mengikut laporan dari daerah2 lain, beberapa kawasan juga telah di-landa banjir, namun ia-nya tidak-lah menjejaskan kehidupan sa-bagaimana yang pernah berlaku dalam bulan Januari tahun lepas.



BEGINI-LAH keadaan-nya kawasan Jabatan Pengangkutan Darat di-Jalan Gadong yang di-landa banjir pada minggu lalu.



SALAH sa-buah rumah di-Kampong Perpindahan Berakas yang di-landa banjir.

## Kursus Sivik bagi Pegawai2 Bahagian II, III dan IV

**Oleh: Manaf HAR.**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menepati dengan peranan-nya sa-bagai 'lidah penyambong' antara kerajaan dan raayat serta pada memupok kefahaman yang lebeh mendalam tentang ranchangan2 baru kerajaan dalam mengujudkan pentadbiran yang efficient serta mempunyai pegawai2 yang jujor dan amanah maka Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan mengadakan satu Kursus Sivik bagi Pegawai2 Kerajaan.

Kursus sivik kali ini ada-lah bagi pegawai2 kerajaan dalam Bahagian (Division) II, III dan IV dari semua jabatan2 kerajaan dan ini merupakan julong2 kali-nya kursus serupa ini di-adakan.

KURSUS PERTAMA

Dalam menjelaskan dengan lebeh lanjut berkenaan dengan kursus ini saya telah menemuramah Awg. Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar, selaku Setiausaha dalam ahli2 jawatankuasa kursus sivik yang telah di-bentok dalam satu perjumpaan di-Bilek Taklimat, Bahagian Penerangan pada hari Khamis 28hb. Januari dalam mana beliau mengatakan, "Kursus ini ada-lah atas inisiatif Bahagian Penerangan dengan kerjasama sepenoh-nya dari Jabatan Perjawatan dan ini merupakan kali pertama kursus serupa ini di-adakan bagi pegawai2 kerajaan dalam mana nanti sa-banyak 47 buah jabatan2 kerajaan akan terlibat."

"Hasrat jabatan ini pada mengadakan kursus tersebut ia-lah pada mengikut keadaan sekarang yang mana mahukan pentadbiran yang efficient, pegawai2 yang jujor dan amanah dan ini bertepatan dengan tujuan kursus ia-itu bagi memberikan fahaman yang mendalam mengenai langkah2 baru kerajaan untok mengujudkan pentadbiran yang efficient lagi chergas serta pegawai2 yang jujor lagi amanah."

BERASINGAN

Beliau menambah bahawa kursus tersebut akan di-adakan sa-chara berperengkat dan untok perengkat pertama saja ia-nya akan melibatkan sa-ramai 450 orang pegawai2 kerajaan dan chara pelaksanaan-nya pula akan di-adakan dalam tiga kumpolan yang berasingan ia-itu tiap2 satu kumpolan akan mengandongi sa-ramai 150 orang peserta dengan tarikh dan bulan yang berasingan dan sa-tiap kumpolan akan menghadhiri kursus sa-lama tiga hari.

Kursus2 tersebut akan berlangsong di-Pusat Belia dan berkemungkinan akan di-ubah pada tempat2 yang di-fikirkan bersesuaian dan menepati suasana kursus tersebut berjalan.

Menyentoh tentang pemilehan2 peserta kursus, Awang Haji Junaidi menerangkan bahawa tiap2 sa-buah jabatan di-kehendaki menghantar dua atau tiga orang pegawai2-nya dari Bahagian (Division) yang di-tentukan dan pemilehan hendak-lah di-ambil ingatan kapada bahagian Pentadbiran, Teknikal dan Perkhidmatan.

Lihat muka 11

## Kursus bagi Kerani dan Peon

BANDAR SERI BEGAWAN. —Yunit Latehan Jabatan Perjawatan akan mengadakan dua kursus yang berasingan dalam bulan ini.

Kursus2 tersebut ia-lah kursus bagi "Peon" yang akan di-adakan sa-lama tiga hari bermula pada 16hb Februari hingga 18bh Februari. Dan kursus bagi Kerani2 Tingkatan III yang bermula pada 22hb hingga 25hb Februari 1982.

Sa-ramai 16 orang peon dan 16 orang Kerani Tingkatan III, dari 16 buah Jabatan Kerajaan di-jangka akan mengikuti kursus2 tersebut.

Kursus2 tersebut akan di-adakan di-pusat itu. Dan pensharah2 yang akan memberikan cheramah dalam kedua2 kursus itu nanti ada-lah terdiri dari pegawai2 dari Yunit Latehan itu sendiri.

## Kursus Kerjasama akan di-teruskan

KAMPONG SUNGAI MATAN. — Siri kursus kerjasama yang bertujuan untok meluaskan lagi pemahaman mengenai konsep dan prinsip2 Gerakan Kerjasama serta meningkatkan kechekapan pekerja2 sharikat2 kerjasama dalam mengendalikan bidang perniagaan masing2 akan terus di-ungkayahkan, demikian di-tegaskan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama.

Bidang pendidekan kerjasama kapada ahli2 dan pekerja2 sharikat kerjasama ada-lah perlu demi menchapai matalamat2 yang di-sarankan dalam penubohan sa-sebuah sharikat kerjasama. Untok menchapai maksud itu, tambah beliau, Jabatan Kemajuan Kerjasama akan terus menganjorkan kursus kerjasama di-seluroh negeri saperti yang telah di-ungkayahkan pada tahun lepas.

Awang Mahmud telah menegaskan perkara itu Jumaat lalu sa-masa merasmikan Mashuarat Agong Kali Ke-4 Sharikat Kerjasama Nelayan Sungai Matan, Daerah Brunei-Muara.

Dalam uchapan-nya itu Awang Mahmud telah mengingatkan kapada sa-bilangan ahli yang kurang perchaya kapada sharikat tentang jasa yang di-berikan oleh sharikat kapada mereka. Sifat jujor dan amanah kapada sharikat ada-lah perlu di-amalkan, tambah beliau.

"Gerakan Kerjasama tidak lahir begitu saja tetapi ada sebab dan musababnya. Sharikat di-tubohkan untok mengatasi sa-suatu masaalah tetapi tidak patut sharikat di-lupakan sa-sudah masaalah itu di-atasi."

Pada tahun kewangan-nya yang berakhir 30hb. September, 1981 Sharikat Kerjasama Nelayan Sungai Matan telah membeli hasil tangkapan ikan dari ahli2-nya bernilai $163,680.40 dan di-jual dengan harga $192,556.60. Di-tambah dengan lain2 pendapatan sharikat telah memperolehi Untong Kasar $27,368.15. Sa-telah di-tolak perbelanjaan pengurusan, sharikat telah mendapat Untong Berseh $7,447.30 berbanding dengan $8,711.51 pada tahun lalu.

Kurang-nya untong berseh ada-lah di-sebabkan kadar peratus untong kasar telah menurun dan perbelanjaan pengurusan telah meningkat. Dalam Mashuarat Agong tersebut pembahagian keuntongan telah di-persetujui pada kadar 6% Dividen dan 3% Bonus.

## Memuchang2 memberseh kampong

KAMPONG PANCHOR MURAI. — Satu Kempen Kebersehan yang di-anjorkan bersama oleh sa-buah sharikat kerjasama dan sa-buah persatuan belia telah di-lancharkan Ahad lalu di-Kampong Panchor Murai, Daerah Brunei-Muara.

Kempen tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama bertempat di-kedai Sharikat Kerjasama Kampong Panchor Murai, Imang dan Batong.

Kempen Kebersehan sachara memuchang-muchang itu ada-lah anjoran bersama Sharikat Kerjasama Kampong Panchor Murai, Imang dan Batong dan Persatuan Belia BIPA.

Kira-kira 50 orang telah ikut serta dalam kempen tersebut ia-itu membersehkan kawasan2 kedai sharikat, masjid, rumah dua orang buta, dan rumah guru ugama.

GANDING BAHU

Dalam uchapan singkat perasmian-nya, Pesurohjaya mengharapkan supaya sharikat kerjasama dan persatuan belia patut berganding bahu dalam apa juga kerja2 kebajikan kerana pada dasar-nya sifat kedua-dua pertubohan itu ada-lah sama ia-itu pertubohan untok menolong diri sendiri atau self-help organisations.

Bagi sa-buah sharikat kerjasama, menjalankan perniagaan ada-lah salah satu daripada kegiatan-nya dan ada-lah di-tuntut untok menjalankan kegiatan2 sosial yang lain demi faedah masharakat di-mana sharikat itu di-tubohkan.

Sharikat Kerjasama Kampong Panchor Murai, Imang dan Batong telah di-daftarkan pada awal tahun 1977 dengan keramaian ahli 60 orang dan modal saham $15 ribu lebeh. Pada tahun kewangan-nya yang berakhir 31hb. Mach, 1981 sharikat tersebut telah memperolehi Untong Berseh $9 ribu lebeh dari perniagaan kedai-nya.

Pesurohjaya mengingatkan kapada semua ahli Jawatankuasa sharikat untok mengemaskan semua buku perniagaan sharikat demi melichinkan kerja2 pengoditan bagi tahun kewangan berakhir 31hb. Mach, 1982 akan datang.



DI-AKHIR majlis pada hari itu YAB Pemangku Menteri Besar telah bersalaman dengan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong saperti kelihatan dalam gambar.

# KEMUDAHAN2 YANG DI-BERIKAN MENGIKUT TARAF PERKHIDMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharat2 perkhidmatan yang telah di-tentukan oleh kerajaan, samada perkhidmatan tetap, berkontrek, bergaji hari atau sa-bulan ka-sebulan ada-lah bagi membedzakan keutamaan2 dan taraf perkhidmatan2 tersebut.

Di-antara salah satu perbedzaan dalam memberikan kemudahan2 kapada pegawai2 kerajaan ia-lah dalam memberikan kemudahan untok menunaikan fardhu haji, yang mana ia-nya tidak akan di-berikan kapada kakitangan kerajaan yang bergaji hari. Perkara ini juga telah di-tegaskan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam majlis perjumpaan dengan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara baru2 ini di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill.

Ini memang telah menjadi hukom, kata Yang Amat Berhormat itu, satiap orang yang berusaha lebeh pendapatan-nya akan bertambah. "Demikian juga orang yang berilmu tidak sama dengan orang yang tidak berilmu," Yang Amat Berhormat itu memberi chontoh. Jadi, tambah Yang Amat Berhormat lagi, taraf orang yang tidak berilmu dengan orang yang pernah berkarih menuntut ilmu sahingga berpisah dengan kaum keluarga buat beberapa lama untok mendapatkan pengalaman dan pengetahuan tentu-lah tidak dapat di-samakan, jelas-nya.

Walau bagaimana pun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tetap bermurah hati, sambong Yang Amat Berhormat itu lagi, yang mana, kata-nya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengorniakan supaya orang2 yang bergaji hari yang sudah chukop perkhidmatan-nya lima tahun boleh di-timbangkan untok di-sokong memasoki perkhidmatan bergaji bulan.

Dalam taklimat-nya itu Yang Amat Berhormat itu juga telah menyentoh berhubong dengan satu permintaan mengenai umor penchen tua patut di-kurangkan dari 60 tahun ka-55 tahun.

Umor 60 tahun itu, kata Yang Amat Berhormat, telah di-fikirkan oleh kerajaan sa-masak2-nya dan buat masa ini kerajaan belum berhajat untok menurunkan-nya ka-tahap yang di-kehendaki itu, ujar Yang Amat Berhormat. Sa-baik2-nya, ujar Yang Amat Berhormat lagi, jangan-lah kitani bersifat di-beri betis hendakkan peha atau kaya2 bajau, kerana, sambong beliau gunong di-changkol lagi akan runtoh demikian juga perkara2 sa-demikian itu. — T.B.

# Pinjaman tidak di-berikan untok membena rumah di-Kg. Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan pegawai2 kerajaan tidak akan di-berikan pinjaman wang kerajaan untok mendirikan rumah tempat kediaman di-kampong ayer. Pinjaman tersebut kata Yang Amat Berhormat, hanya akan di-berikan kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang bermastautin di-kampong ayer.

Sebab mereka itu, tambah Yang Amat Berhormat lagi, di-perlukan oleh kerajaan menjalankan tugas dan mesti tinggal (bermastautin) di-kampong di-mana ia-nya bertugas. Tetapi pegawai2 kerajaan bukan begitu, kata Yang Amat Berhormat itu seterus-nya, ia di-mana pun boleh tinggal bukan samesti-nya bermastautin di-kampong ayer, sebab itu-lah mereka tidak di-berikan kemudahan itu, jelasnya.

Namun demikian menurut Yang Amat Berhormat, Kerajaan sekarang berusaha sa-chepat mungkin untok menyiapkan Ranchangan Perpindahan, yang mana dalam ranchangan itu pegawai2 kerajaan yang akan di-beri keutamaan terlebeh dahulu.

Walau bagaimana pun kata Yang Amat Berhormat, pegawai2 kerajaan harus-lah bersabar kerana ranchangan sa-umpama itu bukan mudah untok dilaksanakan, lebeh2 lagi ia-nya melibatkan beberapa jabatan yang berkenaan untok membuat penelitian yang sa-wajar-nya.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menegaskan perkara ini di-satu majlis perjumpaan dengan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara yang berlangsong di-Dewan Bangunan Peringatan Churchill pada pagi hari Khamis 28hb Januari lepas.— T.B.

## Kursus Sivik

Dari muka 10

"Pegawai2 dari division II akan di-hadhiri oleh dua orang dari sa-buah jabatan manakala pegawai2 dari division III dan IV akan di-hadhiri oleh tiga orang peserta dan ini bergantong kapada jumlah banyak-nya pegawai2 dalam jabatan2 berkenaan dan peserta2 itu nanti akan di-satukan tidak kira dari division mana mereka itu di-pileh," jelas beliau.

Kursus bagi perengkat pertama akan di-adakan dalam bulan Mach, April dan Mei ia-itu bagi kumpolan pertama bermula dari 28hb. hingga 30hb. Mach; kumpolan kedua dari 18hb. hingga 20hb. April dan kumpolan ketiga dari 16hb. hingga 18hb. Mei 1982.

Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Jabatan Perjawatan, Jabatan Undang2 dan Jabatan Hal Ehwal Ugama ada-lah empat buah jabatan yang di-pileh untok memberikan cheramah2 kapada peserta2 kursus yang mana ia-nya akan berkisar atas kehendak2 kerajaan yang menitek-beratkan bagi mengujudkan pentadbiran yang efficient lagi chergas dan jujor lagi amanah.

Menurut beliau lagi "Kursus tersebut akan juga di-lanjutkan kapada pegawai2 division V dan kaki-tangan2 kerajaan yang bergaji hari memandangkan mereka2 ini juga ada-lah jentera penggerak kerajaan maka ada-lah penting kursus yang serupa di-berikan kapada mereka agar mereka dapat memahami hasrat kerajaan di-samping menekankan betapa perlu-nya peranan mereka terhadap usaha kerja mereka di-jabatan2 yang berkenaan."

Kursus untok mereka2 ini juga, tambah beliau, akan di-adakan dalam tiga kumpolan ia-itu bagi Daerah Brunei dan Muara; Tutong dan Temburong; dan Daerah Belait yang mana peserta2 kursus bagi kumpolan pertama akan berlangsong dari 24hb. hingga 26hb. Oktober; kumpolan kedua dari 21hb. hingga 23hb. Nobember dan kumpolan ketiga 12hb. hingga 14hb. Disember 1982.

"Ator chara kursus ini pula bentok-nya tidak-lah banyak berubah ia-itu berkisar dengan cheramah2 dan beramah mesra dengan pegawai2 kanan dan pembesar2 kerajaan," jelas beliau.

## Pertandingan Tarian Asli

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Brunei akan mengadakan pertandingan Tarian Asli Brunei bagi Sekolah2 Rendah, Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Negeri Brunei bagi kali yang kelapan tahun, 1982.

Pertandingan ini ada-lah terbuka kapada semua pelajar2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 dan Maktab2 Kerajaan dan Sekolah Menengah seluroh Negeri Brunei termasok Sekolah2 Misi dan China. Pertandingan ini di-jangka akan di-adakan dalam bulan Jun 1982.

Jabatan Pelajaran telah melantek Guru Besar, Sekolah Melayu Pusar Ulak untok mempengerusikan bahagian sekolah2 rendah dan Pengetua Sekolah Menengah SMJA mempengerusikan bahagian Sekolah2 Menengah dan Maktab2.

Peraduan ini di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu; Sekolah2 Rendah Melayu, Sekolah2 Persediaan Inggeris dan Sekolah2 Menengah dan Maktab2. Oleh yang demikian semua Sekolah2 dan Maktab2 yang ingin menyertai peraduan ini, ada-lah di-minta menyediakan tidak lebeh 10 orang peserta lelaki dan perempuan bagi sa-buah tarian atau berchampor.

Para peserta juga di-ingatkan supaya memakai pakaian yang berchorak keBruneian atau Kebudayaan Brunei mengikut jenis tarian yang akan di-persembahkan itu nanti.

## Mashuarat ahli2 jawatankuasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei akan mengadakan mashuarat ahli2 jawatankuasa-nya pada hari Ahad, 7hb. Februari bertempat di-Pusat Belia di-sini mulai jam 2.00 petang.

Antara ajenda2 yang akan di-perbinchangkan termasok-lah chadangan bagi pembentokan sa-buah pasokan Bolatampar Kebangsaan (Bahagian Junior) dan chadangan bagi mengadakan sa-orang Jurulateh Kebangsaan bagi permainan tersebut.

Semua ahli2 jawatankuasa persatuan ada-lah di-minta hadhir ka-mashuarat tersebut.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama-sama dengan harga2 runchit yang di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut : —

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| 1) **G.B.B. Pure Ghee : —** | | |
| 48 x 500 gm. | | $ 5.80 |
| 24 x 1 kg. | | $11.30 |
| 6 x 2 kg. | | $22.20 |
| 2) **Syrup dan Cordial : —** | | |
| Rose Syrup | 12 x 750 ml | $ 2.60 |
| Barley Syrup | 12 x 750 ml | $ 2.60 |
| Banana Syrup | 12 x 750 ml | $ 2.60 |
| Root Beer Syrup | 12 x 750 ml | $ 2.80 |
| Orange Squash | 12 x 750 ml | $ 2.60 |
| Pineapple Cordial | 12 x 750 ml | $ 2.60 |
| Masgo Cordial | 12 x 750 ml | $ 2.80 |
| Rebena Grape Juice | 12 x 750 ml | $ 2.80 |
| 3) **Corn Flour : —** | | |
| Brown and Polson | 24 x 450 g. | $ 2.50 |
| 4) **Butter Mixture : —** | | |
| Lady's Choice | 24 x 200 g. | $ 1.65 |
| Lady's Choice | 24 x 400 g. | $ 3.00 |
| 5) **Peanut Butter : —** | | |
| Skippy (creamy) | 24 x 340 g. | $ 3.40 |
| Skippy (creamy) | 12 x 500 g. | $ 4.70 |
| Lady's Choice (creamy) | 24 x 340 g. | $ 3.00 |
| Lady's Choice (creamy) | 12 x 500 g. | $ 4.20 |
| 6) **Mayonnaise : —** | | |
| Best Food | 24 x 1 gt. | $ 3.80 |
| Best Food | 12 x 1 gt. | $ 7.00 |

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| 7) **Jelly Crystals and Agar-Agar : —** | | |
| Jelly Crystals (Lady's choice) | 48 x 110 g. | $ 1.15 |
| Agar-Agar (Lady's choice plain) | 24 x 100 g. | $ 1.15 |
| 8) **Chilli Sauce and Tomato Ketchup : —** | | |
| Maggi Chilli Sauce | 24 x 340 g. | $ 1.50 |
| Maggi Chilli Garlic Sauce | 24 x 310 g. | $ 1.70 |
| Maggi Tomato Ketchup | 24 x 340 g. | $ 1.40 |
| 9) Glucose Powder | | |
| Lady's Choice Glucose 'C' | 24 x 450g. | $ 3.60 |
| 10) **Knorr Chicken Stock : —** | | |
| 30's | | $ 0.55 |
| 11) **Granulated, Caster, Icing dan Cube Sugar : —** | | |
| Fine Granulated Sugar— | | |
| White | 12 x 5 lbs. | $ 6.85 |
| Caster Sugar | 24 x 2 lbs. | $ 2.85 |
| Icing Sugar | 48 x 1 lb. | $ 1.55 |
| Cube Sugar | 48 x 450 g. x 100 cubes | $ 1.70 |
| 12) **Ikan Sardine Chap Ayam : —** | | |
| Oval | 24 x 15 ozs | $ 2.15 |
| Oval | 48 x 7½ ozs | $ 1.30 |
| Tall | 48 x 15 ozs | $ 1.90 |
| Jitney | 100 x 5½ ozs | $ 0.80 |

Orang ramai ada-lah di-harapkan memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan talipon 25555 Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebutkan di-atas atau segala jenis barang2 keperluan yang lain bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 3hb. hingga 9hb. Februari, 1982

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 3.2.1982 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 3.2.1982 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 3.2.1982 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yussof, Kati Mahar | 6.2.1982 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 6.2.1982 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 6.2.1982 | Sabtu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 6.2.1982 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 6.2.1982 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 6.2.1982 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Serasa | 7.2.1982 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 7.2.1982 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 7.2.1982 | Ahad | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | 8.2.1982 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 8.2.1982 | Isnin | 3.00– 4.00 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 9.2.1982 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 9.2.1982 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar, Kiulap | 9.2.1982 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Gadong. | 9.2.1982 | Selasa | 3.35– 4.00 | ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong | 9.2.1982 | Selasa | 4.30– 5.30 | ,, |

## S-takraw anjoran PERKASA:

# PERLAWANAN PERSEORANGAN BULATAN DI-ADAKAN

Oleh: Manaf HAR.




BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERKASA, Kampong Saba akan menganjorkan kejohanan sepak takraw kali ketiga sempena sambutan Hari Keputeraan DYMM yang ke-35 tahun yang mana ini ada-lah merupakan projek tahunan persatuan tersebut bagi merebut Piala Intan.

Kejohanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu ada-lah terbuka kapada Persatuan2 Belia, Pejabat2, Sharikat2, Kelab2, Kampong2, Sekolah2, dan Maktab2 di-seluroh negeri.

Sharat2 lain bagi memasoki kejohanan ini ia-lah pemain2 kebangsaan hanya di-benarkan sa-orang saja bermain bagi satu2 pasokan. Tiap2 pasokan hendak-lah mengandongi empat orang pemain dan bayaran masok menyertai perlawanan ini ia-lah sa-banyak $20.00, tiap2 pasokan. Tiap2 pemain yang di-daftar tidak boleh di-ubah atau di-pindah ka-lain2 pasokan dan pasokan2 yang bertanding akan di-bahagikan kapada empat kumpolan.

Kejohanan ini juga ada-lah mengikut peratoran dan undang2 Persatuan Sepak Takraw Negeri Brunei, pe-main yang di-daftarkan mesti-lah telah tinggal di-dalam negeri ini tidak kurang dari enam bulan.

Borang2 penyertaan serta bayaran-nya sekali boleh-lah di-dapati dan di-kembalikan kapada nama2 yang tersebut di-bawah tidak lewat dari 28hb. Februari depan.

Awang Abu Bakar bin Kassim, Pusat Belia; Awang Damit bin Sulaiman, Jabatan Hal Ehwal Ugama; Pulau bin Serudin, Pejabat Letrik; Awang Daud bin Ismail, Flat Jalan Ben-dahari, Kuala Belait; Che'gu Ismail bin Md. Salleh, Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar; Che'gu Yunos bin Hj. Besar, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong; Sgt Hj. Haris bin Hj. Ibrahim, Bolkiah Kem; dan Kpl Pudin bin Hj. Ahmad, Angkatan Laut Pertama, Muara.

**ACHARA ISTIMEWA**

Dalam kejohanan kali ini, buat pertama kali-nya per-satuan ini akan mengadakan achara istimewa ia-itu kejohanan perseorangan bulatan yang mana sharat2-nya ada-lah saperti berikut:

Pasokan2 yang mengam-bil bahagian hanya di-benarkan menghantar sa-orang wakil, mana2 pemain yang tidak di-chalunkan oleh pasokan-nya juga di-benarkan ikut serta dengan sharat membuat pem-bayaran sa-banyak $3.00 dan pemain2 yang tidak berdaftar dalam mana2 pasokan tidak di-benarkan menyertai achara ini.

Mata2 kemenangan dalam achara perseorangan bulatan akan di-berikan melalui dari pemain yang memperolehi mata yang paling tinggi, menyepak bola dengan tiga kali gagal, berada dalam satu bulatan yang mana jejari bulatan tempat bermain berukoran satu sa-tengah kaki.



Satu mashuarat bagi mem-binchangkan Perlawanan Polo Antarabangsa kali kelima telah di-adakan di-JP House, di-Jalan Tutong pada hari Sab-tu 23hb. Januari 1982 yang lalu. Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sang-gamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong saperti kelihatan dalam gambar. Hadhir di-mashuarat itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

Kejohanan Polo An-tarabangsa kali kelima itu akan bermula esok di-Padang Polo Jerudong.

Beberapa buah pasokan dari luar negeri akan menyertai ke-johanan tersebut.

# Jadual Sokan bagi bulan Feb.

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Pe-lajaran telah menyusun jadual perlawanan sokan dan olahraga ia-itu projek tahunan yang di-kelolakan oleh Bahagian Pendidekan Jasmani jabatan tersebut bagi tahun ini. Sekolah2 yang ingin meyertai perlawanan2 itu ada-lah di-harapkan bagi mengambil perhatian.

Pendaftaran Per-lawanan Rentas Desa bagi sekolah2 menengah atas dan bawah akan berakhir esok, 4hb. Februari, sementara pendaftaran bagi menyertai perlawanan bolasepak sekolah2 rendah dan menengah bawah kum-pulan 'A' dan 'B' akan berakhir pada hari Sabtu, 6hb. Februari.

Perlawanan bolasepak sekolah2 rendah peringkat daerah akan bermula pada 15hb. Februari, manakala Rentas Desa bagi sekolah2 rendah Brunei 111 akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Pengkalan Batu pada 16hb. Februari, sementara Rentas Desa bagi sekolah2 rendah Tutong 11 akan di-langsongkan pada hari yang sama di-Padang Sekolah Melayu Penapar di-Daerah Tutong.

Pada 18hb. Februari, perlawanan Rentas Desa bagi sekolah2 rendah Brunei 1 akan di-adakan bertempat di-Padang SMJA dan bagi sekolah2 rendah Daerah Belait, per-lawanan yang serupa akan di-adakan pada hari yang sama di-Padang Sekolah Melayu Lumut.

Perlawanan bolasepak sekolah2 menengah bawah peringkat daerah bagi kumpulan 'A' dan 'B' akan bermula pada 20hb. Februari, dan pendaftaran bagi memasoki perlawanan bolasepak bagi sekolah2 menengah atas dan bawah kumpulan 'C' akan berakhir pada 22hb. Februari.

Sementara itu, Perlawanan Rentas Desa bagi sekolah2 rendah Brunei 11 akan di-adakan pada 20hb. Februari di-Padang Sekolah Melayu Anak2 Askar, manakala perlawanan yang sama bagi sekolah2 Rendah Tutong 1 akan berlangsong hari tersebut di-Padang Sekolah Melayu Penanjong.

Bagi sekolah2 menengah bawah Daerah Belait, perlawanan Rentas Desa akan berlangsong pada 23hb. Februari di-Padang Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, manakala perlawanan Rentas Desa bagi sekolah2 ren-dah, sekolah2 menengah bawah Daerah Temburong akan di-adakan pada 24hb. Februari di-Padang Sekolah Melayu Puni.

Rentas Desa bagi sekolah2 menengah bawah Daerah Brunei-Muara akan di-adakan pada 25hb. Februari, bertempat di-Padang SMJA. Perlawanan tersebut juga akan di-adakan bagi Sekolah2 menengah bawah Daerah Tutong pada 27hb. Februari di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Sementara itu, pendaf-taran bagi menyertai perlawanan Bola Jaring bagi sekolah2 menengah bawah dan atas akan di-tutop pada 27hb. Februari, 1982 — J.I.

# Sepak-takraw bagi Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Chawangan Kuala Belait akan menganjorkan perlawanan sepak takraw bagi peserta2 yang tinggal di-derah ini.

Perlawanan tersebut terbuka kapada persatuan2 belia dan kebajikan, kelab2 sokan, jabatan2 kerajaan, maktab2, sekolah2 menengah dan Misi dan firma2 di-Daerah Belait sahaja.

Tiap2 pasokan yang berhajat untok menyertai perlawanan ini hanya di-benarkan mendaf-tarkan satu pasokan sahaja, pasokan2 dari jabatan2 kerajaan di-bolehkan bergabong tidak lebeh dari tiga buah jabatan un-tok menubohkan satu pasokan sahaja, peserta mesti-lah yang sedang berkhidmat (bukan-nya penuntut) dalam jabatan2 kera-jaan atau firma2 di-daerah tersebut dan mesti-lah tinggal di-daerah ini semantara pemain2 dari sekolah2 dan maktab2 mesti-lah menuntut di-maktab2 dan sekolah2 berkenaan sahaja.

Perlawanan ini akan di-jalankan sa-chara kalah mati dua kali (double knock out system) dan tiap2 pasokan akan di-mainkan dalam tiga regu.

Ramai pemain yang di-daftarkan dalam tiga regu tersebut ia-lah 12 orang termasok pemain simpanan, hanya pe-main2 yang di-daftarkan pada tarikh penutop sahaja di-benarkan menyertai perlawanan, pemain2 yang telah di-daftarkan dalam satu2 pasokan tidak boleh bermain dalam pasokan lain, pe-main2 yang telah di-senaraikan dalam satu2 regu tidak akan di-benarkan bermain lagi di-regu lain dan tiap2 pemain mesti-lah memakai nombor di-baju ukoran biasa ia-itu untok memudahkan pehak penganjor dan pengadil menchatet atas perkara2 ber-thabit dengan perlawanan.

Bayaran bagi memasoki perlawanan tersebut tidak di-kenakan akan tetapi perbelan-jaan2 lain saperti kenderaan dan lain2-nya ada-lah atas tanggong-jawab pasokan2 yang mengambil bahagian, pehak penganjor ada-lah bertanggong-jawab terhadap gelanggang2 permainan dan alat2 kelengkapan-nya.

Peratoran2 permainan ada-lah berpandukan Undang2 Per-mainan Sepak Takraw An-tarabangsa dan Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTA BARU) dan pehak penganjor berkuasa untok meminda dan mengubah suai peratoran2 perlawanan ini dari semasa ka-semasa.

Tarikh dan tempat perlawanan akan di-beritahu kemudian sa-lepas sahaja tamat tarikh penutop menerima borang2 pendaftaran.

Borang2 penyertaan bagi perlawanan itu boleh di-dapati sekarang dari Awang Ismail bin Apong, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kuala Belait; Che'gu Suhaili bin Lani, Jabatan Pela-jaran Kuala Belait dan Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Bun-tar, Pejabat Penchen, Kuala Belait.

Borang2 penyertaan yang telah di-isi dengan lengkap-nya hendak-lah di-kembalikan ka-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan tidak lewat dari hari Selasa 9hb. Februari depan dan borang2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layani. — J.I.

# Mashuarat Agong BAFA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA) akan mengadakan mashuarat agong-nya bagi musim 1982/1984 bertempat di-bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Jumaat, 5hb. Februari depan ber-mula jam 8.30 pagi.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Awang Haji Hussien di-jangka akan merasmikan mashuarat tersebut dan Setia Usaha Agong BAFA (Pentadbiran) meminta kapada semua ahli2 Majlis BAFA dan ahli2 gabongan BAFA supaya dapat hadhir di-mashuarat itu nanti.

# J-kuasa Tertinggi KPRK.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Kali ke-12 Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan Brunei yang bersidang pada 25hb. Januari lalu telah melantek 11 orang jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi tempoh dua tahun, 1982/1984.

Di-lantek menjadi Yang Diper-tua Kesatuan ia-lah Awang Haji Ali bin Awang Haji Nassar; Naib Yang Dipertua, Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Abd. Latif; Pengerusi Tetap, Awang Abu Bakar bin Haji Ishak; Setiausaha Agong, Awang Haji Omarali bin Haji Mohiddin sementara di-lantek menjadi Naib Setiausaha Agong ia-lah Pengiran Jambol bin Pengiran Haji Sulaiman.

Bendahari Agong Kesatuan itu bagi tempoh tersebut ia-lah Haji Awang Puteh bin Awang Jukin; Naib Bendahari Agong, Awang Alli bin Metussin; Ketua Setiausaha Ekonomi, Awg. Ma'arof bin Haji Ya'akub; Ketua Setiausaha Penerangan, Awang Ibrahim bin Haji Piut; Ketua Setiausaha Sosial/Kebajikan, Awang Kassim bin Haji Asmat dan Ketua Setiausaha Wanita ia-lah Dayang Siti Hamidah bte Haji Abd. Rahman.

Mashuarat agong yang berlangsong di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini juga telah membinchangkan beberapa ajenda termasok mengadakan tabong simpanan pekerja dan Provident Fund yang mana chadangan bagi perkara tersebut telah di-persetujui dan perlantekan ahli2 jawatankuasa penyelaras bagi tabong tersebut akan di-kendalikan oleh Ketua Setiausaha Ekonomi.

Turut di-perbinchangkan dalam mashuarat tersebut ia-lah mengenai penggubalan undang2, di-mana sidang hari itu telah bersetuju bagi penggubalan Perlembagaan Kesatuan untok di-sesuaikan dengan keperluan yang semakin bertambah di-kalangan ahli2 kesatuan.

Usul2 dan chadangan2 juga telah di-hadapkan bagi kepen-tingan ahli2 kesatuan. Antara-nya ia-lah perundingan antara kesatuan dengan Pehak Kerajaan bagi mengadakan majlis dailog untok ahli2 dan pegawai2 rendah kerajaan sedikit masa lagi — J.I.



# DUA LAGI RANCHANGAN BARU BHG. MELAYU RADIO BRUNEI

## "Perkahwinan di-Brunei dan Tinjauan"

MULAI bulan Februari 1982 ini, Bahagian Melayu Radio Brunei akan menyiarkan dua buah lagi ranchangan baru yang akan di-siarkan pada hari2 dan waktu2 yang berasingan.

Ranchangan2 tersebut ia-lah 'Perkahwinan Di-Brunei' dan 'Tinjauan', masing2 akan di-terbitkan oleh Dayang Jamilah Abdullah dan Awang Mohd Ali Majid.

Menurut penerbit-nya Dayang Jamilah, ranchangan 'Perkahwinan Di-Brunei' akan mempaparkan chiri2 adat perkahwinan berbagai puak yang terdapat di-negeri ini dengan adat resam dan kebudayaan puak masing2.

Ranchangan 'Perkahwinan Di-Brunei', ada-lah sa-bagai ranchangan 'Selayang Pandang' yang sudah berakhir siri-nya minggu lalu.

Dalam siri pertama ranchangan ini, penerbit akan membawa pendengar-nya ka-daerah Belait untok mengikuti adat perkahwinan orang2 Belait.

Dalam gambar yang di-paparkan ini menunjokkan Yang Mulia Orang Kaya Seri Ratna Awang Mohd Nor bin Osman sedang di-temuramah oleh Pembantu Pegawai Ranchangan Radio, Dayang Zainab Haji Mohd Taha, dalam mencheritakan adat tersebut. Dan ranchangan ini sa-lain dari di-muatkan dengan temuramah, ia-nya juga akan di-sulam dengan alat2 bunyi2an yang mengiringi majlis2 perkahwinan tersebut.

Ranchangan pertama siri 'Perkahwinan Di-Brunei' akan di-siarkan pada 5hb Febuari, 1982 hari Jumaat jam 8.30 malam, dan siaran ulangan-nya pada hari Ahad 7hb Febuari, 1982, jam 2.00 petang.

Penyertaan awda dalam ranchangan ini ada-lah sangat2 di-alu2kan.

Sementara ranchangan 'Tinjauan' ia-lah petikan berita dan renchana2 antarabangsa yang di-sunting oleh penerbit dari ranchangan Inggeris 'Hello Tomorrow'.

Muzik dan latar-belakang suara asal akan di-gunakan sa-bagai ator chara persembahan.

Ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada tiap2 hari Rabu jam 4.00 petang ia-itu di-mulai 3hb Februari, 1982 dan ulangan-nya pada hari Jumaat, jam 5.45 petang.

## Siaran radio minggu ini:

# SA-BUAH INTERVIEW RADIO

RADIO: Andai-nya saudara di-minta memberi chadangan untok meletakkan semula tulisan jawi ka-tempat dudok-nya yang mulia, bagaimana-kah bunyi-nya chadangan saudara itu ?

PENDENGAR: Kita perlukan 'action' sa-chara total dari sa-tiap orang yang mengakui diri-nya Melayu. Bukan chuma sekadar 'lip service' atau permainan mulut ketika berchakap, atau merupakan sa-buah janji yang tak berhujong.

RADIO: Apa-kah sa-benar-nya 'action' itu ?

PENDENGAR: Tindakan yang 'positive'. Kerana tentu-lah agak ganjil di-pandang mata, jika dalam perarakan Maulud Nabi, chogankata tertulis dalam huruf A.B.C. sedangkan kita merayakan hari ulangtahun sa-orang Rasul yang mengembangkan ALIF, BA, TA.

RADIO: Tidak-kah saudara berpuas hati dengan tulisan2 jawi yang menghiasi papan2 nama kedai2 di-negeri ini ?

PENDENGAR: Sa-benar-nya itu membuat saya lebeh malu. Chuba saudara fikirkan. Nama2 kedai bangsa asing bertulis huruf2 jawi. Sedangkan nama2 rumah orang Melayu, dan nama2 kampong orang Melayu memakai tulisan rumi. Perhatikan-lah tulisan2 itu di-siring2 jeraya kampong Melayu.

RADIO: Kalau begitu ada sa-suatu yang kurang jujor dalam usaha memberi nafas kapada tulisan jawi ?

PENDENGAR: Kita tidak boleh terlalu berchakap tentang kejujoran ini. Kerana menurut guru saya, hanya Tuhan Yang Maha Mengetahui akan hati manusia itu. Chuma apa yang ingin saya tegaskan ia-lah; biasa-nya dari daun orang mengenal pohon-nya.

RADIO: Berpandukan pendapat saudara itu, bagaimana kesimpulan yang dapat di-ambil tentang masharakat Melayu dengan tulisan jawi ini ?

PENDENGAR: Ada orang Melayu yang merasa malu dan rendah diri kerana tidak pandai bacha 'STRAITS TIMES' tetapi dia tidak malu kalau tidak pandai bacha Kor'an atau Utusan Melayu. Pelek bukan?

RADIO: Kenapa orang Melayu tidak minat terhadap tulisan jawi di-zaman ini ?

PENDENGAR: Kita tidak boleh berpura2. Kita terpaksa mengakui kenyataan-nya. Orang menganggap tulisan jawi itu milek orang2 kampong. Orang kita akan lebeh megah dengan berkata 'sorry' saya tak pandai bacha jawi. Dan prestasi-nya akan meningkat sa-tingkat tinggi, jika ia merangkak-rangkak atau terlanggar2 membacha jawi.

RADIO: Bagaimana orang2 China dengan tulisan China-nya?

PENDENGAR: Barangkali saudara pernah mendengar perkataan CALLIGRAPHY atau KHAT. Orang2 China menyanjong tulisan2 khat mereka. Sa-tiap rumah bergantongan dengan tulisan2 khat China itu. Berapa harga-nya ? . . . Saya pernah mendengar harga-nya sampai sa-tengah juta dollar. Dan khabar-nya Calligraphy China yang antik di-Muzium Nasional Taiwan harga-nya tidak dapat di-nilai dengan wang ringgit.

RADIO: Bagaimana dengan Calligraphy atau Tulisan Khat Melayu/Jawi/Arab?

PENDENGAR: Ada yang berharga sa-ratus ribu ringgit sa-naskhah. Dan banyak tulisan2 Khat ini tersimpan di-Muzium2 Iran, Turki dan beberapa buah negara Eropah. Dan salinan2-nya atau Print-nya ada terjual di-Art Gallery di-Jeddah.

RADIO: Sekian dulu sidang pendengar sa-buah interview luar biasa di-permulaan tahun 1982. Jumpa lagi Wassalam.

## *Sandiwara radio:*

# *"ENGKAU-LAH DUNIA-KU"*

## *oleh: Benedict Talip*

PENULIS dari Sarawak, Malaysia Benedict Talip mengemukakan hasil karya beliau melalui skerip berjodol ENGKAU-LAH DUNIA-KU untok siaran sandiwara radio minggu ini.

Kepinchangan dalam berkeluarga ada-lah menjadi persoalan utama yang akan di-bentangkan melalui cherita kali ini. Nani watak utama-nya gagal untok mendapat kaseh-sayang yang sempurna dari kedua ibu-bapa-nya. Dan lebeh malang lagi, Ilham kekaseh-nya telah memutuskan hubongan mereka berdua.

Ibu-nya Fiah sangat merasa kesal kerana Nani lebeh suka menganggor dari menerima tawaran bekerja dari bapa Ilham.

Kerana pertentangan pendapat itu-lah Nani kemudian-nya membawa diri hingga bertemu dengan Ramli yang akhir-nya mengajak-nya tinggal bersama-nya. Ia menganggap Ramli sa-bagai bapa-nya sendiri. Kerana itu-lah ia bersedia dan bersusah-payah pergi ka-rumah sakit untok mendapatkan ubat ketika Ramli sakit. Di-sana-lah ia dengan tidak sengaja bertemu dengan Ilham.

Ilham yang telah berpisah dengan isteri-nya itu pun pergi menemui Fiah dan memberitahu-nya tentang pertemuan-nya dengan Nani. Sejak kehilangan Nani, Fiah menyesal kerana kelalaian-nya sa-lama ini.

Dengan pertolongan Ilham, Fiah pun pergi untok menchari Nani bersama Ramli. Fiah sangat terkejut. Apa-kah yang menyebabkan Fiah terkejut ? Mungkin-kah Fiah dan Ramli pernah kenal-mengenali di-antara satu sama lain ? Untok lanjutan cherita, kami persilakan awda pendengar untok mengikuti siaran-nya pada 7hb Februari, 1982 jam 10.30 pagi.

Terbitan sandiwara radio ini akan di-selenggarakan oleh Dayang Salmah Abdul Rahman.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMEREKSA KERETA2

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEMEREKSA KERETA2 di-Jabatan Pengangkutan Darat Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor di-antara 25 hingga 40 tahun.

a) i) Mempunyai Ordinary National Diploma atau City and Guilds Final Certificate dari Maktab atau Sekolah Teknikal yang di-iktiraf dalam mata-pelajaran yang berkenaan atau mempunyai kelulusan yang di-iktiraf yang sebanding dengan-nya, serta mempunyai pengalaman praktikal dalam bidang Autcmobil sekurang2-nya 3 tahun; atau

ii) Lulus Tingkatan III dan tealh berkhidmat sa-bagai Tradesman Tingkatan Khas atau Pembantu Teknik dalam bidang yang berkenaan sekurang2-nya 3 tahun.

c) Mempunyai Lesen Memandu Kelas 1 dan Kelas 5.

d) Boleh mengerti dan bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

**Tugas2 :**

i) Memereksa kereta2 untok di-daftarkan dan di-lesenkan.

ii) Menguji pemohon2 untok ujian mendapatkan lesen memandu.

iii) Memereksa kereta2 yang terlibat dalam kemalangan jalan-raya, dan menghadziri perbicharaan Mahkamah mengenai kemalangan2 itu.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260-1305 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Februari, 1982.

(E/449/72 — Bil : 14/1982)

## TENDER NOTICE

### AIRPORT BAGGAGE TROLLEYS

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 4.00 pm on 22nd February 1982 for the supply of:

50 UNITS AIRPORT BAGGAGE TROLLEYS

2. Specification can be obtained from the Civil Aviation Department Office at the Brunei International Airport.

3. Approximate date of delivery must be stated, but not later than three months.

4. Tender must be placed in plain and sealed envelope without any indication of the tenderer and addressed to:—

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Government Offices,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

5. Any tender received after the above date or not properly addressed will be rejected.

6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

### TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TAHUN 1982/1983

TAWARAN2 ada-lah di-terima bagi pembekalan2 kayu kapada Pejabat Daerah Brunei dan Muara bagi tempoh salama satu tahun bermula pada 1hb Mei, 1982 hingga 30hb April, 1983.

Kayu2 yang di-kehendaki oleh pejabat ini ada-lah jenis SELANGAN atau pun KAPOR BUKIT yang mana ukoran-nya ada-lah saperti berikut di-bawah:—

1. 6" x 6" x 20'
2. 6" x 6" x 18'
3. 6" x 6" x 16'
4. 6" x 6" x 14'
5. 6" x 6" x 12'
6. 4" x 12" x 24'
7. 4" x 12" x 20'
8. 4" x 8" x 18'
9. 4" x 8" x 16'
10. 3" x 6" x 18'
11. 3" x 6" x 16'
12. 3" x 6" x 14'
13. 3" x 6" x 12'
14. 3" x 4" x 18'
15. 3" x 3" x 16'
16. 3" x 3" x 14'
17. 3" x 3" x 12'
18. 2" x 8" x 16'
19. 2" x 4" x 16'
20. 2" x 3" x 18'
21. 2" x 3" x 16'
22. 2" x 3" x 14'
23. 2" x 3" x 12'
24. 2" x 2" x 18'
25. 2" x 2" x 16'
26. 2" x 2" x 14'
27. 2" x 2" x 12'
28. 1½" x 6" x 16'
29. 1" x 8" x 16'
30. 1" x 8" x 14'
31. 1" x 8" x 12'
32. 1" x 2" x 16'
33. 1" x 2" x 14'
34. 1" x 2" x 12'
35. 2" x 2" x 18'
36. 2" x 2" x 16'
37. 2" x 2" x 14' B
38. 2" x 2" x 12' E
39. 1" x 8" x 18' R
40. 1" x 8" x 16' K
41. 1" x 8" x 14' E
42. 1" x 8" x 12' T
43. 1" x 2" x 18' A
44. 1" x 2" x 16' M
45. 1" x 2" x 14'
46. 1" x 2" x 12'

Juga pembekal2 hendak-lah menyatakan harga bagi tiap2 satu (1) ton termasok upah pengangkutan yang mana kayu2 tersebut hendak-lah di-hantar terus ka-Bengkel pejabat ini, Jalan Airport Lama, Berakas, Brunei.

Surat2 tawaran hendak-lah di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan, Brunei tidak lewat dari 15hb Februari, 1982 jam 2.00 petang dan di-sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA."

Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang lebeh murah atau pun sa-umpama-nya.

## TAWARAN MEMBEKALKAN BATU BAGI TAHUN 1982

